



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MEGAT NORDIN
TOKOH DIKIR BARAT**

OLEH:

NORHAFIZA BINTI RAMLI

2014136483

DAYANG KU HIDAYAH BT AWG MOHAMAD

2014510647

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MEGAT NORDIN
TOKOH DIKIR BARAT

OLEH:

NORHAFIZA BINTI RAMLI

2014136483

DAYANG KU HIDAYAH BT AWG MOHAMAD

2014510647

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan tugas kami yang telah diusahakan selama ini yang bertajuk “Dikir Barat Warisan Negeri Kelantan”.

Ribuan terima kasih kami ucapkan kepada individu penting yang banyak membantu kami sepanjang kami menyiapkan tugas kami ini. Pertama sekali kepada pensyarah subjek IMR604 Sejarah Lisan kami iaitu Pn Nor Kamariah bt Chik kerana telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami. Selain itu, kami juga sangat menghargai jasa pensyarah subjek kami kerana memberikan bimbingan, dan nasihat yang amat berguna untuk tugas kami serta jasa beliau yang akan kami kenang ke akhir hayat.

Seterusnya, terima kasih juga kepada ibu bapa kami kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada kami sepanjang tugas ini disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga juga kami ucapkan kerana memberikan kami bantuan dari segi kewangan. Akhir sekali terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang kami menyiapkan tugas ini.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan	
Isi Kandungan	
Biodata Tokoh	
Pengenalan	
Abstrak.....	1
Transkrip	2
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	3 - 14
Bahagian 2: Latar Belakang Dan Asal Usul Dikir	
Barat.....	15 - 36
Bahagian 3: Cerita Rakyat Yang Berkaitan Dengan Dikir	
Barat.....	37 - 43
Bahagian 4: Perjuangan/ Kejayaan/Harapan Encik Megat Dalam Dikir	
Barat.....	44 - 90
Rujukan.....	91
Lampiran	92
Log Wawancara.....	93 - 99
Diari Kajian.....	100
Senarai soalan.....	101-107
Surat Perjanjian.....	108
Gambar.....	109-110
Indeks.....	111-113

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA	Nordin Bin Yusoff
UMUR	53 tahun.
ASAL	Kubang Kerian, Kelantan.
KELUARGA	Mempunyai 8 orang cahaya mata.
SEBAB	<p>Sangat terkenal di negeri Kelantan sebagai penyanyi lagu-lagu rakyat dan dikir barat.</p> <p>Pernah membuat persembahan lagu-lagu rakyat dan dikir barat di serata dunia.</p>

PENGENALAN

PENGENALAN

Dikir Barat merupakan satu persembahan negeri Kelantan yang disampaikan secara berkumpulan. Setiap kumpulan biasanya diketuai oleh seorang Tukang karut dan Tok Juara. Tukang karut dan Tok Juara akan mendahului nyanyian sambil berbalas-balas pantun dan diikuti oleh awak-awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Sejenis nyanyian yang terkenal di negeri Kelantan. Nyanyiannya diiringi dengan pukulan rebana. Ia dinyanyikan secara beramai-ramai dalam bentuk pantun. Seorang ketua yang dikenali sebagai tukang dikir atau tukang karut akan memulai nyanyian yang akan diulangi oleh pengiring secara beramai-ramai.

Tahukah anda dikir barat adalah satu bentuk persembahan nyanyian. Asal usul kewujudannya sehingga kini masih diperdebatkan, namun kebanyakan menerimanya sebagai bentuk seni yang datang daripada selatan Thailand atau utara Semenanjung Malaysia. Kita memanggilnya dikir, perkataan yang bunyinya ada persamaan dengan perkataan Melayu zikir yang bermakna doa atau amalan keagamaan, sesuatu yang dilihat oleh penduduk di utara semenanjung Malaysia dan diamalkan orang Thailand setiap musim menuai padi. Barat pula bermakna kedudukan geografi, orang utara dahulu menganggap Thailand berada di sebelah barat padahal dari segi kedudukan geografinya, ia berada di utara Malaysia.

Budaya dikir barat kemudian terus menular ke selatan, Singapura sekitar 1970-an. Pelbagai pertandingan dianjurkan badan kerajaan setiap tahun dan sambutan terhadapnya begitu baik sehingga ke hari ini, biarpun Singapura kini adalah kota metropolitan yang maju. Beberapa pendapat telah diperkatakan tentang asal-usul Dikir Barat. Ada yang mengatakan ianya berasal daripada Selatan Siam. Sebenarnya Dikir Barat ini yang lebih terkenal dengan nama Dikir Karut dibawa daripada Negeri Siam ke Negeri Kelantan. Mengikut orang-orang Kelantan, perkataan Barat ini bermakna Selatan Siam. Ini tidak dapat dinafikan kerana pada suatu ketika dahulu Negeri Kelantan ini pernah diperintah oleh Kerajaan Siam. Rakyat daripada kedua-dua buah negeri ini selalu berulang-alik dan dengan secara langsung Dikir ini dibawa ke sini dan diterima pula oleh masyarakat. Ketika ianya dibawa ke Kelantan ianya adalah dalam bentuk Dikir dan di sana juga ianya ditambah dengan pantun-pantun dan

diubah suai dari segi persembahan dan loghatnya sesuai dengan keadaan sekeliling dan suasana tempatan

Elemen asas dalam kumpulan dikir barat adalah dua teraju utamanya, iaitu Juara dan Tukang Karut. Anggota kumpulan dikir barat tidak terhad kepada jumlah tertentu. Juara ialah penyanyi utama kumpulan dikir dan biasanya berperanan memulakan persembahan diikuti Tukang Karut. Tidak seperti Juara, Tukang karut akan berinteraksi dengan penonton menerusi gelagatnya. Tukang Karut yang bijak memberikan persembahan menghiburkan sebagai berkesan fungsinya sebagai penghibur. Juara pula biasanya adalah penyanyi yang memiliki suara Dikir barat, di Kelantan dipercayai dipelopori Pak Leh Tapang Awak-awak biasanya akan menyanyikan korus pada dikir. Mereka akan menyanyi dan menari dalam keadaan duduk mengikut irama yang didendangkan oleh dua teraju utama. Pemuzik atau alat muzik pula terdiri daripada ibu rebana, anak rebana, maracas, trambouline, gong dan canang.

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar dan bersama tokoh Encik Megat Nordin yang tersohor dengan lagu dikir barat Ambo Ghaso Bekene, kami telah berbincang tentang tajuk dikir barat. Rakaman ini telah diadakan di Bukit Marak, Kota Bharu di sebuah tempat peninggalan Puteri Saadong pada 21 April tahun 2016. Rakaman ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan Encik Megat Nordin sepanjang beliau menjadi seorang pendikir barat yang tersohor di Malaysia. Sepanjang rakaman ini diadakan, Encik Megat Nordin telah menceritakan tentang latar belakang dirinya, latar belakang keluarganya, latar belakang pendidikannya, bagaimana dia boleh meminati dan terlibat dalam dunia dikir barat, pencapaian beliau sepanjang bergiat di dalam dikir barat, perkongsian ilmu tentang bagaimana untuk menjadi seorang pendikir barat yang hebat dan pandangan dan cadangan tentang bagaimana untuk menyebarkan dikir barat ke negara lain. Rakaman ini mengambil masa lebih kurang dua jam tiga-puluh minit dan sepanjang tempoh tersebut Encik Megat Nordin telah memberikan kerjasama yang amat baik.*

Kata kunci: *Encik Megat Nordin, Dikir Barat, Pendikir, Ambo Ghaso Bekene*

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang dan asal usul tokoh dikir barat tersebut iaitu Encik Megat Nordin, asal usul dan latar belakang dikir barat, cerita rakyat yang berkaitan dengan dikir barat dan perjuangan atau kejayaan dan harapan Encik Megat Nordin dalam dikir barat. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

MN: Encik Megat Nordin
NH: NorHafiza Ramli

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NH : Kita akan mula bahagian pertama iaitu latar belakang Encik Megat Nordin. Jadi soalan, jadi Encik boleh cerita sedikit lah tentang salasilah latar belakang Encik Nordin.

MN : Saya Nordin Bin Yusof dilahirkan di Kampung Kenali pada tanggal *dua puluh tujuh* [27] haribulan *sepuluh* [10] tahun *sembilan belas enam puluh satu* [1961] dan mempunyai seramai *tiga belas* [13] orang adik beradik dan saya merupakan anak yang sulong. Jadi saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian dan melanjutkan pelajaran sehingga Sekolah Menengah Kubang Kerian dan masa itu tahun *sembilan belas tujuh puluh sembilan* [1979] saya setakat *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] gred *dua* [2] dan saya terus berhenti sekolah untuk memberi laluan kepada adik beradik saya yang lain yang ramai lagi, kerana saya

tidak sampai hati melihat ayah saya bekerja sebagai buruh untuk menanggung perbelanjaan dan pembelajaran adik adik yang masih ramai lagi, maka saya terpaksa berkorban dan berhenti disitu, dan pada masa sekolah saya bergiat aktif dalam bidang sukan dan pernah menjadi olahragawan terbaik sekolah pada tahun *tujuh puluh lapan* [1978] dan juga *tujuh puluh sembilan* [1979] dua tahun berturut turut dan pernah mewakili Kelantan dalam acara *empat ratus* [400] meter *lapan ratus* [800] meter dan mulakan kerjaya saya pada tahun rasanya kalau tak silap pada tahun *sembilan belas lapan puluh dua* [1982].

NH : Jadi, kiranya masa sekolah dulu memang bergiat dalam sukan?

MN : Sukan.

NH : Encik Megat berasal daripada kelantan sendiri?

MN : Kelantan, di Kampung Kenali.

NH : Kampung Kenali?

MN : Kampung Kenali Kubang Kerian dimana kampung itu merupakan kampung kelahiran Tok Kenali, seorang tokoh ulamak yang dipanggil Tok Kenali dan disini lah bermulanya, dilahirkan saya di kampung yang sama.

NH : Nama isteri Encik megat?

MN : Isteri Khairunissa Mat Niah

NH : Bila tarikh perkahwinan Encik?

MN : Perkahwinan itu tidak ingat rasanya berapa tahun lepas.

NH : Berapa tahun lepas? (ketawa kecil). Encik, isteri Encik bekerja ataupun suri rumah?

MN : Tidak. Suri rumah sepenuh masa.

NH : Suri rumah? Boleh tanya sedikit tak bagaimana Encik Megat mengenali isteri Encik Megat?

MN : Pada waktu itu saya telah pun dikenali ramai dan pertemuan itu bermula di dalam bandar *Kota Bharu* [Kelantan] di Jalan Hamzah. Sewaktu itu saya pernah mengenali dia sewaktu bertemu di Thailand. Pada waktu itu saya menjelajah ke *tiga* [3] wilayah Thailand untuk buat konsert, pada masa itu konsert di Thailand, cara dengan *live band* [kumpulan secara langsung], jadi apabila kenal disitu terserempak sekali lagi di *Kelantan* [Malaysia] waktu itu saya balik ke Kelantan dan disitu berjumpa dia menegur saya, saya pun mengingat- ingat, "oohh saya pernah berjumpa dengan dia" (Megat Nordin berdialog). Jadi apabila berkenalan di situ, perkenalan itu lebih akrab, selepas itu saya ambil keputusan untuk berkahwin.

NH : Berapa lama tempoh perkenalan itu?

MN : Rasanya dalam *enam* [6] bulan tetapi tidak lama.

NH : **Isteri Encik berasal daripada Kelantan juga?**

MN : Tidak, daripada Thailand.

NH : **Encik ada berapa orang anak?**

MN : Semua ada *lapan* [8].

NH : ***Lapan* [8] orang? Berapa orang lelaki dan berapa orang anak perempuan?**

MN : *Lima* [5] orang lelaki dan *tiga* [3] orang perempuan.

NH : ***Lima* [5] lelaki *tiga* [3] perempuan? Yang sulung umur berapa?**

MN : Yang sulung *tiga puluh dua* (32 tahun) sekarang.

NH : **Oh sekarang *tiga puluh dua* [32] tahun, dah berkahwin?**

MN : Ya sudah.

NH : **Saya dapat tahu yang Encik megat ada anak yang memasuki pertandingan idola kecil?**

MN : Anak saya itu yang masuk pertandingan Idola Kecil musim ke *empat* [4], iaitu nama dia Megat Haikal dan sekarang dia berumur *lima belas* [15] tahun, menuntut di *Sekolah Menengah Rantau Panjang Klang* [Selangor].

NH : **Di *Klang* [Selangor] sekarang?**

MN : *Klang* [Selangor] sana.

NH : **Anak yang lain?**

MN : Yang lain kerja biasa cuma ada *satu* [1] abang pada Haikal itu sekarang menceburi bidang muai thai, telah beberapa kali masuk gelanggang, bertarung di gelanggang.

NH : **Aktif lah dia?**

MN : Ya aktif, di antara peninju yang sedang meningkat naik sekarang ini.

NH : **Boleh tahu nama-nama anak Encik Megat?**

MN : Yang sulung Zurina Binti Nordin, perempuan, lepas itu Raziman, lepas itu Hasrul Nizam, lepas itu Suhaimi, Hanisah, diikuti dengan Lukman Hakim, Ahmad Marzuki ataupun Megat Haikal dan Siti Maznah yang paling bongsu.

NH : **Kiranya Megat Haikal itu yang ke *dua* [2] bongsu?**

MN : Ya *second last* [ke dua terakhir].

- NH** : **Ada atau tidak anak-anak Encik Megat yang berminat hendak mengikuti jejak Encik Megat?**
- MN** : Ada seorang lagi tapi tak berjaya sangat nama dia Suhaimi tapi tidak begitu sangat, pernah menyertai uji bakat untuk pertandingan mentor tetapi setakat suku akhir.
- NH** : **Oh pertandingan Mentor? Siapa nama dia?**
- MN** : Nama Suhaimi. Tetapi kebolehannya tidak seperti Haikal. Haikal mempunyai banyak kelebihan.
- NH** : **Kami ada melihat persembahan Megat Haikal, suara dia memang sedap. Sekarang dia memang tinggal di *Kuala Lumpur* [Malaysia]?**
- MN** : Di *Kuala Lumpur* [Malaysia] dan sekarang dalam pelajaran sekolah dia, selepas itu habis sekolah pada tiap-tiap hari sabtu tiap-tiap minggu dia masuk kelas vokal.
- NH** : **Kelas vokal? Sekarang dia memang aktif ke arah nyanyian?**
- MN** : Ya ke arah nyanyian dan muzik.
- NH** : **Sekarang anak-anak Encik Megat tinggal di *Kelantan* [Malaysia]?**
- MN** : Ya *Kelantan* [Malaysia], cuma *satu* [1] Megat Haikal.

NH : Megat Haikal sahaja tinggal di sana?

MN : Ya (ketawa kecil)

NH : Nama ibu bapa Encik?

MN : Nama bapa Yusof bin Ahmad, dan ibu Mekyam binti Husin.

NH : Berasal daripada *Kelantan* [Malaysia]?

MN : Ya daripada *Kelantan* [Malaysia].

NH : Adakah mereka masih hidup?

MN : Ibu telah meninggal, bapa masih ada.

NH : Sekarang, kalau boleh hendak bertanya sedikit tentang sekarang Encik menumpukan sepenuh masa dengan dikir barat ataupun ada pekerjaan lain?

MN : Saya sekarang ini bekerja sepenuh masa dengan dikir barat dan bahkan saya merupakan orang pertama yang mencipta sejarah menjadikan dikir barat sebagai pekerjaan sepenuh masa saya. Orang lain tidak sanggup buat macam itu. Yang lain kadang-kadang bekerja sebagai cikgu, pegawai kerajaan ataupun bekerja sendiri, saya langsung tidak bekerja. Dikir barat ini merupakan *seratus peratus* [100%] mata pencarian saya.

NH : Kiranya nama Encik memang profesional dalam dikir barat? Encik ada pernah memberitahu yang Encik menjadi juri untuk pertandingan dikir barat?

MN : Pernah menjadi juri. Menjadi juri sampai ke Singapura, Thailand.

NH : Sebelum ini, memang daripada muda bergiat dengan dikir barat ataupun sebelum ini Encik ada pekerjaan lain atau bagaimana?

MN : Sebelum ini saya ada pekerjaan lain, tetapi memang saya tidak sesuai terikat dengan pekerjaan jiwa kita memang tidak boleh terikat. Apabila terikat kita hendak pergi ke mana-mana pun jadi susah, terpaksa mohon cuti. Jadi apabila permohonan cuti tidak diluluskan maka jiwa kita rasa tidak senang. Hidup kita sentiasa terikat, terbelenggu. Jadi oleh kerana itu saya memilih pekerjaan ini sepenuh masa kerana kita hendak ke mana-mana pun kita bebas. Tidak terikat dengan apa-apa pun. Kecuali dengan kerja kita. Apa yang kita sanggup itu mesti ditunaikan. Satu lagi kita berjanji untuk membuat persembahan *sini sini sini* [di pelbagai tempat], maka terpaksa kena pergi.

NH : Kebanyakan persembahan Encik di *Kelantan* [Malaysia]?

MN : Seluruh. Kadang-kadang kalau orang panggil ke Singapura pun Singapura, kalau *Kuching* [Sarawak] pun *Sarawak* [Malaysia], Sabah pun *Sabah* [Malaysia], kalau Thailand pun Thailand ikut lah kerana kita memang mencari rezeki ini ikut pekerjaan ini, ini yang merupakan pekerjaan ini.

- NH : Tadi Encik ada beritahu yang Encik memang aktif sukan di sekolah dulu?**
- MN : Kalau dalam sekolah saya memang aktif lah sebab saya memang bercita-cita hendak menjadi ahli sukan dan *Alhamdulillah* [Segala Puji Bagi Allah] semasa sekolah saya ditakdirkan menjadi, maknanya orang yang aktif dan berjaya dalam sukan. Pada ketika itu, saya, kebanyakan acara yang saya masuk adalah acara *empat ratus* [400] meter, *lapan ratus* [800] meter, *empat* [4] kali *empat ratus* [400] meter, *satu ribu lima ratus* [1500] meter, boleh dikatakan *long distance* (jarak yang panjang). (ketawa kecil)
- NH : Memang banyak juga pencapaian.**
- MN : Banyak. Kalau di sekolah saya memasuki pertandingan acara apa pun memang yang tempat pertama itu tiada *chance* [peluang] bagi orang lain. Tiada *chance* [peluang]. Orang lain cuma berebut tempat ke *dua* [2] dan ke *tiga* [3] sahaja.
- NH : Memang Encik dapat tempat pertama (sambil ketawa)**
- MN : Nombor *satu* [1] tidak boleh (sambil ketawa). Orang lain tidak boleh.
- NH : Semasa mula-mula Encik menceburi bidang dikir barat itu, ibu bapa Encik menyokong ataupun tidak?**
- MN : Pada awalnya memang mereka tidak menyokong kerana keluarga saya terdiri dalam orang-orang yang boleh dikatakan kalau di Kelantan dipanggil kategori orang lebai (ketawa kecil). Orang beribadat tetapi apabila kita menceburi dalam bidang seni, memang bercanggah dengan dia. Jadi, dia tidak berapa menggalakan sangat tetapi saya cuba teruskan dengan kegiatan seni kerana

kadang-kadang kita nak berkawan. Kawan kita ramai. Kalau kita tidak masuk dalam kumpulan dikir barat ini bermakna kita berseorangan dalam kampung itu. Jadi kita terpaksa berkawan dengan kawan-kawan, salah satu daripada caranya dengan memasuki arena dikir barat. Tetapi pada awalnya memang saya tidak berminat.

NH : **Oh memang tidak berminat?**

MN : Saya tidak berminat, dan pada waktu itu sebenarnya saya tidak tahu pun kumpulan dikir barat telah ditubuhkan di kampung saya di *Kampung Kenali* [Kubang Kerian] itu. Saya tahu rasanya selepas sebulan kumpulan dikir barat itu ditubuhkan. Mereka mencari saya, sebabnya tiada seorang juara pun dapat menggantikan Tok Guru yang mengajar dikir barat di situ. Apabila Tok Guru yang mengajar itu balik ke kampung beliau, kadang-kadang Tok Guru ini datang dua kali atau tiga kali seminggu. Jadi selepas ketiadaan Tok Guru itu tiada siapa yang boleh menggantikan tempat Tok Guru itu sebagai juara, jadi mereka berbincang, cuba orang itu cuba orang ini untuk menjadi juara tetapi semuanya tidak layak. Jadi setelah bermesyuarat di antara mereka, mereka pun memberi cadangan bahawa saya biasa menyanyi, saya boleh menyanyi, apabila mereka kawan-kawan saya sudah tahu saya boleh menyanyi maka di cuba pergi ke rumah saya dan memberitahu hasrat mereka untuk memngambil saya menyertai kumpulan itu sebagai juara. Kalau boleh saya pun berkata okay saya boleh terima cadangan mereka itu, tetapi saya hendak tahu dikir barat itu bagaimana. Kalau buat masa itu dengan kaset lagi, cuba bawa kaset saya hendak dengar. Jadi mereka bawakan kaset kepada saya dan saya dengar lagu itu, saya salin lirik nya, saya dengar melodi itu malam itu saya buat. Masuk dalam kumpulan dikir, cuba meniru lagu-lagu yang saya dengar di kaset, dan *Alhamdulillah* [Segala Puji Bagi Allah] setelah mereka dengar bahawa inilah, keputusan daripada ketua, ini lah juara yang kita cari selama ini, baru jumpa.

Jadi bermula daripada situ sampai sekarang kerjaya dikir barat saya.

NH : Jadi daripada situ?

MN : Daripada situ sebenarnya. Saya sebenarnya menggantikan guru saya yang pulang ke kampung pada waktu itu. Jadi bermula daripada situlah saya dilatih oleh guru saya, saya membuat persembahan di tempat awam, selepas itu dipercayai oleh guru saya bahawa saya memang boleh membuat persembahan secara kalau dia tidak ada pun maknanya saya boleh menggantikan tempat dia.

NH : Tadi Encik memberitahu yang ibu-bapa Encik menentang Encik memasuki dikir barat. Bagaimana Encik meyakinkan ibu-bapa untuk hendak memasuki?

MN : Sebenarnya dia tahu dia tidak ambil hal, lama-lama dia tidak ambil hal dengan saya. Sebab dia dah biasa dengar. Dia pun pada awal, bapa saya ini merupakan kalau dulu pun memang suara dia baik juga sebenarnya. Tapi dia sudah tahu kemungkinan saya ini mewarisi bakat yang ayah saya ada itu, pada ketika itu. Jadi, walaupun dia hendak marah setakat luar sahaja dalam itu dia lepas begitu, sebab daripada kita terlibat dengan aktiviti lain, lebih baik kita memasuki kumpulan dikir barat.

NH : Kiranya ayah Encik megat pun sebahagian daripada dikir barat ataupun dia memang seorang penyanyi atau bagaimana?

MN : Dia kalau dulu kira dia ini merupakan macam juara juga. Kalau ikut dengar cerita kawan-kawan dia yang menceritakan kepada saya itu. Dia merupakan juara juga, tetapi tidak aktif.

NH : Jadi turun temurun turun suara itu sehingga ke Encik Megat Haikal. Okay jadi itu untuk bahagian *satu* [1].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: Latar Belakang Dan Asal Usul Dikir Barat

NH : Sekarang kita akan masuk ke bahagian ke *dua* [2] iaitu perjalanan dan asal usul dikir barat. Boleh atau tidak Encik menceritakan apakah nama asal dikir barat jika Encik tahu?

MN : Dia sebenarnya asal dikir barat ini dikir ulu, berasal daripada sebelah negeri selatan Thailand, iaitu di sebuah kampung yang bernama *Kota Baru Meil* [Thailand], di dalam ___ *Yala* [Thailand]. Pada ketika itu contohnya kita kata apabila Raja hendak membuat sesuatu keraian di istana di sebelah *Yala* [Thailand], jadi beliau mahukan persembahan kesenian berlaku di situ. Jadi salah satu persembahan selain daripada Makyong, Main Puteri, dia wujudkan satu permainan dalam bentuk Dikir Ulu, dimana dikir merangkumi Tukang Karut, Juara, Awak-awak. Jadi, perkakas-perkakas untuk mengiringi persembahan dikir barat itu adalah terdiri daripada gong, gedombak, gendang, begitulah. Jadi ini bermula pada tahun *sembilan belas empat puluh tujuh* [1947]. Apabila persembahan kesenian itu dimainkan, di *Kota Baru Meil* [Changwat,Yala] itu, jadi lama-kelamaan Dikir Ulu ini diminati ramai oleh boleh dikatakan seluruh di *Changwat, Yala, Narathiwat* [Thailand], dan *Patani* [Thailand]. Benda itu berkembang.

NH : **Berkembang di sana?**

MN : Ya di selatan Thailand. Apabila diminati ramai itu, salah seorang daripada mereka yang terlibat adalah namanya Pakleh Tapang. Pakleh Tapang ini membawa masuk daripada Kota Baru Meil di Changwat, Yala membawa masuk ke negeri Kelantan Kota Bharu ini, untuk digiat aktifkan lagi persembahan permainan dikir barat ini. Jadi dia mengajar satu kumpulan demi satu kumpulan dan disini memang ramai peminat-peminat dikir barat di Kelantan [Malaysia]. Maka benda itu berkembang. Berkembang sehingga pada waktu itu terdiri daripada tokoh-tokoh, ramai menyertai tokoh menjadi seorang Tukang Karut. Seperti di antaranya Pakleh Tapang sendiri, Seman Wau Bulan, Awang Anak Ular, Awang Ikan Duyung, lepas itu ramai lagi lah. Dolah Pulau Tebu semua memang ramai. Jadi benda itu berkembang selepas itu diminati ramai, selepas itu maknanya benda itu bermula, kebanyakannya dikir barat ini bermula di majlis-majlis keraian contohnya majlis perkahwinan, menyambut menantu, begitulah. Dan apabila berkembang, benda ini setelah maju barulah mereka ini membuat persembahan bertiket di tempat awam di tempat terbuka yang bertiket. Daripada situ, benda ini berkembang lagi sampai zaman sekarang, di mana saya pula yang mewarisi permainan dikir barat ini. Sebelum saya itu ada empat orang juara salah satunya Arifin Ana, Daud Bukit Abang, Jusoh Kelong dan Saleh Jambu. Saya ini kemudian sedikit. Mereka ber *empat* [4].

NH : Jadi Encik orang kelima [5]?

MN : Jadi saya di perantaraan, di dalam empat [4] juara ini, saya yang paling bongsu sekali. Dan apabila ketiadaan mereka ber empat ini, maka saya yang tunggal yang paling lama sekali. Jadi ada mereka mereka-mereka yang lain, juara-juara yang lain semuanya peringkat baru.

NH : Kiranya Pakleh Tapang yang membawa dikir barat itu di Kelantan [Malaysia]?

MN : Ya. Pakleh Tapang ini nama dia saya tidak ingat dah, Pakleh gelaran dia itu, Tapang itu nama kampung dia.

NH : Jadi, dahulu dikir barat dikenali dengan nama dikir ulu, jadi siapa yang bagi nama dikir barat?

MN : Dikir barat ini sebenarnya apabila kita di Kelantan [Malaysia] ini, kita memanggil bahawasanya orang di sebelah Thailand itu sebenarnya orang barat. Jadi maknanya dikir ini dikir barat, dikir yang asal daripada barat. Daripada selatan Thailand maksudnya di Thailand dikir barat itu. Sekarang ini pun masih lagi orang kata orang barat. Bermakna orang sebelah Thailand.

NH : Orang barat itu orang siam?

MN : Ya.

- NH : Kiranya dikir barat bermula di negara Thailand?**
- MN : Ya. Di sebuah kampung *Kota Baru Meil* [Changwat, Yala]. Tempat sejarah bermulanya dikir barat di kampung Kota Baru Meil di *Changwat, Yala* [Thailand].
- NH : Jadi kiranya kalau Encik ingat lagi, siapa yang mula-mula mengenalkan dikir barat ini, yang membuat dikir barat ini terkenal di *Kelantan* [Malaysia]?**
- MN : Pakleh Tapang itu lah. Pakleh Tapang yang membawa masuk daripada Kota Baru Meil Thailand, membawa masuk ke negeri *Kelantan* [Malaysia] ini dan mengajar budak-budak untuk belajar dikir barat. Begitulah asalnya. Pakleh Tapang ini lah yang membawa masuk
- NH : Semasa Pakleh Tapang mengajar budak-budak, orang-orang nya ramai atau tidak yang hendak menyertai?**
- MN : Ramai, sebabnya pada ketika itu pada zaman dahulu, tiada permainan seperti sekarang ini. Jadi apabila ditubuhkan satu pasukan dikir barat, dengan gendang, kompang contohnya kita gunakan dengan gombak, gedombak, dengan diiringi Awak-awak yang ramai, boleh menyanyi, jadi memang diminati ramai sebab boleh berhibur. Pada waktu dulu mana boleh berhibur. Tiada benda yang boleh dihiburkan. Jadi dikir barat ini merupakan permainan yang boleh menghiburkan peminat-peminat kampung itu, boleh menghiburkan

pemain itu sendiri, diri pendikir itu sendiri, dan peminat-peminat kampung ramai yang memberi sokongan. Sekarang pun kalau berlatih di kampung masih ramai lagi apatah lagi kalau zaman dulu, lebih lagi.

NH : Kalau Encik ingat lagi apakah nama kumpulan pertama dikir barat?

MN : Nama kumpulan memang tidak tercatat. Tidak tahu kampung mana.

NH : Kiranya dalam *satu* [1] kumpulan dikir barat, ahli-ahlinya terdiri daripada siapa?

MN : Ahli-ahlinya terdiri daripada semua lelaki lebih kurang Awak-awak dalam satu kumpulan, tidak ramai pun dalam *dua puluh lima* [25] orang. *Dua puluh* [20] hingga *dua puluh lima* [25].

NH : Jadi dalam satu kumpulan itu mengandungi seperti Tukang Karut, Tok Juara, Awak-awak semua itu kan? Boleh tak Encik terang kan setiap satu fungsi contohnya Tukang Karut sendiri?

MN : Tukang Karut ini dia membawakan mesej, dia karut berseorangan, dia tidak terikat dengan kumpulan, bebas masuk kumpulan mana-mana pun, dia bebas. Dan Tukang Karut ini merupakan penceramah berpantun dengan spontan. Apa tajuk maknanya dia akan huraikan salah satu tajuk dengan cara berpantun secara spontan. Tidak ada pernah ditulis lirik apa-apa pun.

NH : Jadi maknanya bagi sahaja apa tajuk pun dia akan spontan?

MN : Bagi sahaja apa tajuk pun dia akan keluarkan secara spontan.

NH : Itu Tukang Karut, bagaimana pula Tok Juara?

MN : Juara ini dia mengalunkan lagu dan apabila lagu itu diikuti Awak-awak yang ramai.

NH : Kiranya Awak-awak ikut Tok Juara lah?

MN : Ikat Tok Juara. Lagu yang Tok Juara bawa itu bagaimana lenggok dan melodi itu bagaimana, jadi akan diikuti oleh Awak-awak yang ramai itu. Maknanya Awak-awak itu mesti kena bekajar dahulu lagu itu.

NH : Kiranya yang bermain alat muzik pun dikira Awak-awak juga?

MN : Termasuk dalam Awak-awak. Muziknya terdiri daripada beberapa muzik, salah satu daripada _____ gong, gendanag ibu, gendang anak, canang, casing, gombang, tebrin, banyak lah.

NH : Kiranya setiap alat muzik itu memang fungsinya lain-lain?

MN : Lain-lain bunyinya.

NH : Kalau tiada satu alat muzik kira boleh main?

MN : Boleh main tetapi kalau kita kata lebih banyak bunyi lebih sedap di dengar.
Kalau sedikit bunyinya tidak banyak lah.

NH : Kiranya dalam satu dikir barat memang kena ada Tukang Karut, Tok Juara, awak- awak mesti kena ada?

MN : Mesti kena ada. Kalau tidak ada tidak jadi dikir barat lah. Tidak cukup dikir barat sebab Tukang Karut tidak ada contohnya kita kata. Ataupun juara tidak ada, kalau juara tidak ada memang semakin tidak boleh. Sebabnya apabila juara tidak ada bagaimana hendak menjadi dikir barat.

NH : Kiranya Tok Juara yang memainkan peranan penting dalam persembahan?

MN : Ya Tok Juara yang memainkan peranan penting, sebab dia membawa awak-awak, membawa dan melatih lagu-lagu yang akan dibawa semasa persembahan. Kalau Awak-awak tidak berlatih, maka tidak dapat ikut lah lagu juara bawa.

NH : Boleh atau tidak Encik Megat ceritakan perbezaan antara Tukang Karut dan Tok Juara?

MN : Contohnya, kalau Tukang Karut mengatakan dia mengarut yang Key. Karut ini ada beberapa jenis karut. Karut yang Key, karut Kelantan, karut Matang dan

Wau Bulan. Jadi saya ambil satu segmen karut yang Key. Contohnya, melodi yang “*selamat malam saudara*” (Megat Nordin bernyanyi) dan diikuti oleh Awak-awak “*selamat malam saudara*” (Megat Nordin bernyanyi) Awak-awak ikut, selepas itu dia habis. “*Hai assalamualaikum, hoi assalamualaikum*” (Megat Nordin bernyanyi) begitulah. Dia akan berselang seli di antara Tukang Karut dan Awak-awak.

NH : **Kalau contoh lain? Tadi yang karut itu.**

MN : Kalau juara, juara dia lagu lain. Lagu berbagai lagu. Berbagai lagu ada contohnya kita kata ‘Kamalia’ (Megat Nordin bernyanyi)

Kamalia buah hati ku

Kau penghibur jiwaku

Tak sanggup aku menunggu

Oh kembalilah wahai kamaliaku

Ya macam itu.

NH : **Kira Awak-awak ikut.**

MN : Ya yang ramai itu ikut. Selepas daripada kita habis lagu itu, diikuti oleh Awak-awak. Selepas itu pantun nya. (Megat Nordin bernyanyi).

*Puas sudah aku mencari
Namun tiada aku temuai
Kemana dikau menghilang diri
Resah gelisah aku menanti*

*Kamalia buah hati ku
Kau penghibur jiwaku
Tak sanggup aku menunggu
Oh kembalilah wahai kamaliahku*

Ya macam tu. Itu lagu juara, dia berbeza dengan lagu Tukang Karut.

NH : Itu dikira lagu Encik sendiri atau bagaimana?

MN : Dalam *first* [pertama] album.

NH : Kiranya dalam *first* [pertama] album lagu yang Encik cipta sendiri atau bagaimana?

MN : Lagu itu dicipta oleh guru saya. Saya mempunyai ramai orang guru, tiga orang guru. Salah satunya arwah __Jali Gagak Hitam, selepas itu Awang Arifin Ana, lepas itu Mono Bukit Abah Udin. Mereka inilah yang banyak memberi sumbangan kepada saya.

NH : Dalam satu album itu ada berapa lagu?

MN : Dalam satu album itu kalau lagu juara mengandungi lapan lagu.

NH : Semuanya dicipta oleh guru Encik megat?

MN : Kadang kadang saya cipta.

NH : Ada yang cipta? Contoh satu lagu yang Encik megat cipta?

MN : Saya ada buat satu lagu yang berkenaan Cik Siti Wan Kembang. Sejarah Cik Siti Wan Kembang di negeri *Kelantan* [Malaysia]. Itu merupakan lagu pertama yang saya buat melodinya kerana itu saya masih belajar. Jadi kebetulan saya dapat tuhan bagi anugerah ini dapat mencipta melodi. Jadi saya ciptakan pada waktu malam satu malam itu. Jadi ilham itu datang kepada saya dan saya *tape* [pita] melodi itu saya bagi kepada guru saya untuk didengarkan melodi yang saya buat itu, maka dia berkata boleh melodi ini bagus. Selepas itu dia cuba buat lirik. Buat lirik itu saya nak lagu Cik Siti Wan Kembang. Sebab dia benda lagu ini saya nak *highlight* [serlahkan] kan di antara seorang pemerintah yang diperintah oleh raja perempuan satu ketika dahulu yang bernama Cik Siti Wan Kembang di negeri *Kelantan* [Malaysia]. Maka orang lain saya rasa tidak buat lagu itu dan saya yang buat. Lagu itu diberi penghormatan oleh persatuan Cik Siti Wan Kembang di negeri *Kelantan* [Malaysia] ini dan saya merupakan seorang penyanyi untuk menyanyikan lagu ini. Tetapi saya buat itu dalam saya olahkan daripada lagu dikir barat kepada lagu nyanyian lagu dangdut. Tempo

itu lain sedikit saya buat. Tetapi lagu asal Cik Siti Wan Kembang ini berbunyi
begini *intro* [mula] nya (bernyanyi)

*Tanah serendah sekebum bunga
Disitulah riwayat bermula
Seorang raja terkenal namanya
Sejarahnya masyur di mana-mana*

*Inilah kisah satu cerita
Sejarah lama kebanggaan kita
Jadi lagenda kenangan bangsa
Warisan kesinambungan budaya*

Selepas itu Awak-awak ikut.

NH : **Kira itu memang yang Encik cipta sendiri?**

MN : Pertama kali dalam sejarah saya mencipta lagu itu sewaktu saya masih belajar
lagi. (kawan En Megat mencelah)

NH : **Memang sedap lagu itu.**

MN : Ya. Saya buat lagu itu apabila diminta oleh Kaklah. Salah seorang daripada presiden bumi rahmat diraja Kelantan iaitu Cik Siti Wan Kembang. Maka saya buat, saya olahkan, saya lenggokkan melodi itu dalam bentuk dangdut sedikit. Setelah saya membuat rakaman lagu itu, setelah diberikan kembalikan kembali kepada beliau untuk didengarkan melodi itu. Jadi setelah dia dengar, saya diberitahu oleh sahabat saya bahawa dia pengsan mendengar lagu itu. Saya tidak tahu saya buat biasa tetapi dia pengsan. Saya tidak percaya bagaimana boleh pengsan dengar lagu. Tetapi pada satu ketika dia membuat persembahan di Tok Aman Bali resort di *Semerak* [Kelantan]. Dan saya ditugaskan untuk membawa lagu itu pada malam itu. Pagi itu semasa *rehearsal*(latihan) ada orang memasang cakera padat, saya berbincang dengan Kaklah itu, Kaklah di sebelah saya, apabila beliau mendengar lagu itu, setelah saya sedang berborak dengan beliau tiba-tiba dia diam. Apabila diam saya pun tidak perasan kepala dia jatuh terhantuk di meja terus tidak sedar diri. Lama selepas itu dia tersedar dia bangun bersilat. Tidak tahu bagaimana apa kejadian sebab apa belaku begitu. Tetapi pelik saya rasa kenapa lagu itu boleh jadi begitu.

NH : **Boleh atau tidak hendak meminta Encik nyanyikan sedikit lagu itu dalam versi dangdut?**

MN : Okay. (Encik Megat bernyanyi)

Kisah bermula seorang raja

Di tanah serendah sekebun bunga

Memerintah negeri adil saksama

Seluruh rakyat hidup aman bahagia

Itu chorus sahaja. Tetapi apabila didendangkan dalam muzik moden, cuma kita tidak dengar muzik itu bagaimana tetapi apabila kita dapat muzik itu dia jadi lebih baik apabila dia bercantum.

NH : **Jadi dalam *satu* [1] kumpulan dikir barat itu, ada atau tidak golongan wanita yang menceburi dikir barat?**

MN : Kalau dalam *Kelantan* [Malaysia] ini ada tetapi tidak dibenarkan oleh pihak kerajaan negeri, tidak dibenarkan penglibatan wanita di dalam dikir barat.

NH : **Kenapa?**

MN : Di negeri *Kelantan* [Malaysia] memang tidak boleh. Wanita tidak boleh terlibat dengan persembahan. Seperti di khalayak ramai.

NH : Dikir barat dimainkan dalam satu majlis seperti perkahwinan ataupun musim-musim tertentu sahaja?

MN : Tidak. Ia tidak kira musim. Permainan dikir barat ini persembahan dikir barat ini tidak kira musim. Ia akan bermain mengikut siapa yang contohnya kita kata orang berminat buat. Si A hendak membuat persembahan untuk majlis apa. Majlis contohnya hari jadi, perkahwinan dia akan memanggil kita bersama dengan kumpulan, dia akan bagi tarikh kepada kita berapa haribulan, setelah tarikh itu dipersetujui apabila kita kosong tidak ada bertembung dengan mana-mana persembahan yang lain pada tarikh itu, kita sanggup, setelah kita sanggup kita pergi pada malam itu. Dia akan menempah Tukang Karut siapa, kumpulan yang sebelah lagi itu siapa untuk berdikir pada malam itu. Jadi apabila sampai masa kita pergi. Apabila sampai masa yang dijanjikan contohnya pada *dua puluh dua* [22] haribulan contohnya, apabila sampai *dua puluh dua* [22] haribulan maka pada pukul *sembilan* [9] malam itu persembahan dikir barat akan bermula. Kalau tempat di padang di tempat majlis-majlis bertiket contoh kita kata, seperti itu juga apabila kita terima tempahan daripada orang kita sanggup, kita tengok diari, kita *check* (memeriksa) haribulan ini boleh kita kosong sanggup dan kita akan bawa kumpulan kita pergi buat persembahan di tempat yang dikatakan contohnya *Sekolah Menengah Kubang Kerian* [Kelantan] contohnya. Jadi pada malam itu pukul *sembilan* [9] mesti kena ada di tempat persembahan itu. Yang mana kalau contohnya beli tiket sekarang ini dalam *lima* [5] ringgit kadang-kadang

sepuh [10] ringgit seorang untuk menyaksikan persembahan.

NH : Kita tengok Awak-awak buat persembahan secara duduk? Memang daripada Pakleh Tapang dulu pun secara duduk?

MN : Memang bersila.

NH : Memang ada sebab atau bagaimana?

MN : Tidak. Memang daripada asal pun begitu dan kita budaya melayu kebanyakan apabila kita duduk bersila. Kalau berdiri memang tidak elok. Kalau hendak berdiri bukan dikir barat itu boria. Boria berdiri. Identiti dikir barat mesti duduk.

NH : Memang dari dulu?

MN : Ya dari dulu.

NH : Kita tengok Tukang Karut mula-mula yang memulakan persembahan secara duduk?

MN : Duduk dahulu. Selepas itu engin dia panas sedikit baru dia bangun.

NH : Tok Juara memang dia bangun kan?

MN : Tok Juara memang tidak bangun. Dia duduk berdirikir sambil duduk.

NH : Oh begitu. Selalunya dalam dikir barat ini yang Encik tahu berapa banyak irama, macam dari dulu Pakleh Tapang mengeluarkan irama bagaimana?

MN : Dikir barat ini permulaannya didahului dengan lagu juara selepas itu disusuli dengan Tukang Karut. Tukang Karut ini ada beberapa segmen. Yang saya bagi contoh tadi yang sambil duduk itu karut yang key. Karut yang key itu karut yang perlahan sedikit melodi dia perlahan, selepas itu habis itu disusuli dengan karut Kelantan. Selepas karut Kelantan itu, kalau tempat yang kita kata tempat pertandingan mesti ada beberapa kategori Tukang Karut. Dalam karut itu dia ada berapa kategori. Kategori yang duduk ini karut yang Key selepas itu Kelantan selepas itu Karut Matang selepas itu Karut Patani selepas itu Wau Bulan.

NH : Kiranya ada perbezaan lah?

MN : Ya dia banyak. Melodi itu tidak sama.

NH : Boleh atau tidak Encik tunjuk sedikit karut Wau Bulan atau yang lain?

MN : Contoh karut yang Key sebagaimana yang saya buat tadi (memberi contoh Karut Key dengan menyanyi)

Selamat malam saudara

Hei assalamualaikum

Mulo mulo kito jumpo

Tando jadi masuk paruh

Itu yang Key. Kalau Kelantan “*hai ni baru jolo baru sebenar dikir barat*” (memberi contoh Karut Kelantan dengan menyanyi) ya begitu. Sedikit sedikit saya buat ya. Kalau Karut Matang “*kaya sungguh negeri klate, kaya dengan seni budaya*” (memberi contoh Karut Matang dengan menyanyi) ya begitu. Selepas itu kalau Karut Patani “*hai awe oh awe, esok kijo blako, hei gano ramai pete pete ni maghi buat gapo dok bersilo*” (memberi contoh karut patani dengan menyanyi) ya begitu.

NH : **Itu Patani?**

MN : **Ya Patani. Selepas itu Wau Bulan (memberi contoh Karut Wau Bulan dengan menyanyi).**

Ala ewau bule ewau bule

Ewau bule teraju tigo

Ya itu.

NH : Ada perbezaan.

MN : Ya perbezaan memang ada.

NH : Kiranya irama yang paling terkenal di Kelantan yang selalu dimainkan?

MN : Kalau lagu-lagu saya kebanyakan suatu ketika dulu paling top Tunggu-Tunggu Tak Kelik. Sewaktu itu kita buat dalam bentuk kaset. Kaset itu terjual lebih daripada *seratus ribu* [100,000] unit.

NH : Di Kelantan sahaja?

MN : Ya. Tetapi nasib saya malang sedikit kerana orang dikir barat ini tidak ada royalti. Kalau ada royalti saya dah lama jadi orang kaya. Dah lumrahnya, sampai sekarang pun tidak ada royalti. Sebab nombor *satu* [1] sekali lagu-lagu dikir barat ini tidak pernah didaftar hak cipta. Disitu silapnya.

NH : Untuk soalan seterusnya, pada pandangan Encik pada tahun berapa zaman kegemilangan dikir barat?

MN : Tahun *dua ribu* [2000] lah tahun *dua ribu* [2000] itu maknanya saya kalau boleh cuti hari jumaat malam jumaat itu rasanya tidak tahu apa hendak rasa. Lega sangat rasa kerana setiap malam daripada hari jumaat malam sabtu sehingga hari rabu malam khamis semuanya penuh. Bertahun tahun seperti itu. Sehingga saya rasa aduh penatnya.

NH : Kiranya setiap hari jumaat sahaja cuti?

MN : Hari jumaat *rest* (rehat), ya itulah rasa lega sedikit selepas itu terus penuh, kadang-kadang siang hari pun ada malam pun ada sampai tidak cukup rehat.

NH : Kiranya zaman Encik?

MN : Ya, zaman saya pada ketika itu, tetapi tidak kaya pun (ketawa).

NH : Ada atau tidak tahun yang sedikit merosot?

MN : Merosot itu sejak akhir-akhir ini saya pun tidak tahu kenapa setahun dua ini termasuk dengan tahun ini dikir barat ini rasanya menjadi kurang minat untuk diberi perhatian kepada peminat. Jadi penglibatan saya dalam dikir barat ini pun merosot sedikit.

NH : Adakah ia kurang pendedahan atau bagaimana?

MN : Tidak, saya pun tidak tahu kenapa kerana ini merupakan salah satu daripada fenomena alam jadi ia bertukar kepada satu lagi permainan lain di negeri Kelantan ini yang baru timbul iaitu muai thai. Kalau dulu dikir barat ini seperti muai thai pukul *lapan tiga puluh* [8.30] malam orang dah penuh sehingga bersesak-sesak orang beli tiket, sekarang ini ia bertukar kepada muai thai macam itu juga sampai saya sendiri tidak melepaskan peluang tiap-tiap mana yang ada muai thai saya akan pergi.

NH : Anak Encik pun ada yang terlibat muai thai juga?

MN : Ya, ada juga.

NH : Kiranya tadi Encik ada mengatakan yang Encik adalah pelapis kelima yang menyambung PakLeh Tapang ini? Kiranya ada atau tidak pelapis-pelapis lain yang Encik lihat?

MN : Ramai pelapis itu ramai, anak-anak muda kita ramai yang boleh dikatakan meminati seni suara dikir barat ini, pelajar sekolah atau mereka mereka yang telah lepas daripada persekolahan yang meminati menyanyi, ada cara-cara nyanyian dan yang meminati juara, pelbagai yang ada.

NH : Dahulu Tok guru Encik Megat melihat Encik Megat boleh menggantikan beliau, sekarang Encik Megat ada melihat atau tidak seorang *dua* [2] pelapis yang dapat menggantikan Encik Megat?

MN : Ada, dalam seorang *dua* [2] yang boleh menggantikan saya, nama dia iaitu Penglipur Lara banyak kali sudah memasuki pertandingan dan telah banyak kali menjadi johan.

NH : Anak buah Encik?

MN : Ya, anak buah saya, baru baru ini dia telah menjadi johan dalam nyanyian lagu dikir barat di *Pcb Resort* [Kota Bharu].

NH : **Di Kelantan [Malaysia]?**

MN : Ya, di *Kelantan* [Malaysia].

NH : **Kiranya dia belum membuat persembahan lagi di luar seperti *Kuala Lumpur* [Malaysia]?**

MN : Tidak, dia masih baru lagi. Tetapi orang sudah nampak bahawasanya dia bakat memang ada.

NH : **Kiranya dia boleh menggantikan Encik Megat?**

MN : Ya, saya sendiri tengok pun saya akui yang dia boleh.

NH : **Adakah dia masih muda?**

MN : Rasanya dalam *dua puluh dua* [22] tahun, masih muda.

NH : **Encik Megat mempunyai ramai anak buah?**

MN : Ya, ramai maknanya kumpulan saya sudah sampai di Thailand dan Singapura. Di *Kuala Lumpur* [Malaysia] Arjuna Sukma itu adalah yang saya didik juga. Dalam televisyen biasa keluar dalam *Karoot Komedia* [rancangan televisyen].

NH : **Arjuna Sukma? Seingat saya Sabri Yunus?**

MN : Ya, Sabri Yunus itu sebagai Tukang Karut, Hisham, Sarap Madu dan ada beberapa orang yang dapat menjadi juaranya di sana. Tetapi jika saya ada

persembahan di *Kuala Lumpur* [Malaysia], saya tidak akan bawa Awak-awak di *Kelantan* [Malaysia] kerana kos mahal seperti kos perjalanan, kos minyak kereta dan sebagainya jadi saya tidak bawa Awak-awak. Jadi saya ambil kumpulan sana.

NH : Jadi Arjuna Sukma itu adalah dibawah Encik Megat? Kiranya Encik Megat yang *train* (latih) mereka daripada mula?

MN : Kumpulan itu juga saya bawa ke Singapura yang memerlukan Awak-awak Malaysia, saya akan bawa kumpulan dari *Kuala Lumpur* [Malaysia] ini bersama saya kerana dekat, lagi satu kerana disiplin mereka ini bagus.

NH : Kiranya itu satu-satu kumpulan?

MN : Banyak, bukan *satu* [1] kumpulan *dua* [2] *tiga* [3] kumpulan tetapi salah *satu* [1] kumpulan saya jemput.

NH : Kiranya banyak kumpulan?

MN : Ya, banyak.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: Cerita Rakyat Yang Berkaitan Dengan Dikir Barat

NH : Bahagian *tiga* [3] ini cerita rakyat yang berkaitan dengan dikir barat, tadi Encik ada bercakap mengenai lagu yang Encik cipta sendiri iaitu Cik Siti Wan Kembang, apa yang membuatkan Encik terfikir tentang Cik Siti Wan Kembang, ada lagi cerita rakyat lain?

MN : Ada, Puteri Saadong pun memang ada kaitan, orang-orang negeri *Kelantan* [Malaysia] apabila dengar Cik Siti Wan Kembang memang sudah tahu ini raja yang memerintah negeri *Kelantan* [Malaysia] pada suatu ketika dahulu, raja perempuan, raja ini mempunyai kesaktian jadi oleh kerana itu terfikir dari kita buat lagu-lagu lain lebih baik kita buat satu lagenda, raja yang memerintah negeri *Kelantan* [Malaysia] tetapi raja perempuan. Daripada kita buat cerita burung ataupun cerita apa-apa baik kita buat cerita ini.

NH : Jadi itu adalah salah satu nya cerita rakyat? Adakah Encik ada terfikir mahu adaptasi cerita rakyat yang lain untuk dimasukkan dalam lagu ciptaan Encik selepas ini?

MN : Bagi saya sekarang, saya pun tidak banyak terlibat dalam *recording*(rakaman) jadi sebab faktor usia, selepas itu kalau saya buat pun, kalau anak-anak muda lain buat mereka buat itu untuk mencari populariti, jadi saya ini populariti saya sudah habis, zaman populariti sudah lepas jadi penglibatan untuk lagu-lagu rasanya saya tidak berapa hendak buat, sudah kosongkan kepala maknanya hendak buat benda lain sikit, sambil dalam kita menjadi seorang yang berseni

sambil kita beribadat kepada Allah s.w.t, jadi kebanyakan masa kosong saya saya dengan tasbih saya, tidak ada masa untuk saya mahu mengingati lagu, seperti semalam saya membawa lagu Kembara Sepi ataupun Hajat Tidak Sampai, sampai saya tidak ingat lagu, sebab lama sudah saya tidak ingat lagu, lama saya sudah kosongkan, jadi saya tidak ingat lirik, lirik bagaimana saya sendiri pun tidak ingat, tetapi suruh menyanyi hari ini boleh tetapi semalam sungguhpun *tujuh puluh peratus* [70%] bukan *seratus peratus* [100%] saya tidak berani hendak menyanyi. Jadi orang minta saya menyanyi saya bawa lagu Hijau dan lagu itu ada dalam karoeko, kita boleh tengok karoeko. Jadi pengelibatan saya dalam mencipta melodi saya sudah kurang sedikit, cuma yang saya ingat Cikgu Haikal yang mengajar vokal anak saya menyuruh suatu ketika dahulu pergi meminta bantuan daripada Datuk Adnan Abu Hassan yang akrab dengan saya itu mencipta melodi untuk anak saya. Jadi, oleh kerana umurnya sudah tidak panjang, beliau sudah pulang ke rahmatullah, saya dengan Pakngah pun baik, tetapi malu mahu berjumpa hendak meminta tolong untuk anak saya, lagipun Pakngah pun sudah mengenali anak saya itu sebenarnya jadi rasa malu, jadi saya rasa untuk lagu Haikal saya perlu buat sendiri, untuk anak untuk kita sudah tidak ada dan saya pun telah membuat melodi tersebut dan telah pun hantar kepada Cikgu Haikal untuk dia dengar, sekiranya dia setuju dengan melodi tersebut, saya akan cari seseorang untuk menulis lirik di *Kelantan* [Malaysia] untuk lagu itu.

NH : Berbalik dengan cerita rakyat tadi, boleh atau tidak Encik tekan kan cerita yang berkaitan dengan Cik Siti Wan Kembang? Apa yang Encik tahu cerita rakyat tersebut?

MN : Saya sebenarnya masalah cerita-cerita dulu ini saya tidak berapa tahu sangat sebenarnya nak menceritakan kisah-kisah itu takut tidak tepat. Kalau mahu tahu kakak di belakang (menunjukkan kearah rakan beliau) boleh bagi tahu sejarah dia tetapi saya memang tidak ambik *hal* [peduli] sangat. Kerana kita generasi sudah beberapa ratus tahun dengan beliau maka kalau kita cerita pun takut tidak tepat ___ tak boleh.

NH : Kiranya Cik Siti Wan Kembang itu sekadar ilham untuk menulis lagu?

MN : Ya. Sebab saya memang tahu beliau ini merupakan lagenda daripada negeri *Kelantan* [Malaysia]. Cuma kita buat pun secara kasar bukan secara teliti maknanya kita buat. Ambil ringkas-ringkas sahaja.

NH : Boleh atau tidak Encik menyanyikan lagu Cik Siti Wan Kembang mengenai lirik yang berkaitan. Cik Siti Wan Kembang ini dahulu merupakan Raja *Kelantan* [Malaysia]? Ada atau tidak dalam lirik Encik megat?

MN : Okay contohnya (bernyanyi)

Cik siti wan kembang digelar nama

Raja perempuan bijaksana

Cantik rupa ayu jelita

Menjadi sebutan sepanjang masa

Dalam itu ada sedikit mengisahkan cerita watak-watak beliau tetapi secara kasar bukan secara halus. Dan dia daripada keturunan Raja Jembal. Berasal dari *Kedai Lalat* [Kota Bharu] *dekat* [berhampiran] dengan rumah saya. Daripada Raja Jembal menurun sehingga ke Cik Siti Wan Kembang, Puteri Saadong dan sehingga ke salasilah raja kalau kita hendak memberitahu dia telah berpecah. Di antara raja yang berdaulat dengan raja yang tidak boleh dipanjangkan kerana sensitif. Kalau kita panjangkan dia jadi sensitif. Saya ditangkap pula (ketawa).

NH : Saya mahu bertanya mengenai seni dikir barat ini, adakah ia wujud sebelum penyebaran agama islam di Kelantan atau bagaimana?

MN : Tidak. Islam dahulu baru dikir barat.

N.H : Okay, ini penambahan soalan daripada cerita rakyat tadi. Encik sendiri ada buat lagu tentang cerita rakyat Cik Siti Wan Kembang kan.

M.N : Iya (tanda betul).

N.H : Kalau apa yang Encik tahu, ada atau tidak pendikir-pendikir lain tidak pun kumpulan-kumpulan lain yang bawa cerita rakyat itu ke dalam lagu tersebut?

M.N : Setakat yang saya tahu lah, tidak ada lah yang buat.

N.H : Oh tidak ada?

M.N : Iya (tanda betul). Tidak ada yang buat. Cuma saya yang buat.

N.H : Kiranya Encik Megat lah yang bawa cerita rakyat dalam lagu dikir?

M.N : Ya, dan lagu ni saya telah bawak di semasa persembahan di *Putrajaya* [Kuala Lumpur], masa itu Dato' Seri Rais Yatim ada. Saya bawa lagu itu, diam (ketawa). Ini sebab dia tidak pernah dengar lagu itu.

N.H : So (jadi), dia pun suka lah?

M.N : Iya (tanda betul) suka.

N.H : Kira memang dapat sambutan lah lagu Cik Siti Wan Kembang itu?

M.N : Lagu itu memang dapat sambutan.

N.H : Kira--

M.N : Tapi saya jarang bawa.

N.H : Jarang bawa?

M.N : Saya- majlis-majlis tertentu saja saya bawa.

N.H : Contoh majlis?

M.N : Majlis yang, majlis raja-raja ke. Lepas itu lagu itu pulak sekarang dijadikan lagu tema kepada pertubuhan Bumi Rahmat Diraja yang dipimpin oleh Kak Lah.

N.H : Kak Lah?

M.N : Keturunan Cik Siti Wan Kembang kan, dia kata lah, saya tidak tahu lah.

N.H : Okay, ini kiranya sudah dijadikan lagu tema lah?

M.N : Iya (tanda betul) lagu tema lah, lagu itu.

N.H : Kalau lah macam ada majlis-majlis tidak pun perbadanan yang hendak request [minta] lagu itu untuk dinyanyikan dalam satu majlis?

M.N : Boleh.

N.H : Bolehlah?

M.N : Boleh. Baru-baru ini saya terima tempahan di- untuk menyanyi di satu majlis-- penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang di *Penjara Machang* [Kelantan]. Jadi, entah macam mana ada orang yang minta lagu itu. "Eh" (menunjukkan muka terkejut) (Megat Nordin berdialog) kata "tahu mana?" (Megat Nordin

berdialog). Lagu ini saya tidak bawa kan. Dalam majlis luar-luar, tetapi ada orang minta, okaylah saya bawa kan.

N.H : Kira memang dikenali jugak lah lagu itu kan?

M.N : Iya (tanda betul) lagu itu kalau saya bawa (ketawa) memang terkenal.

Tamat Bahagian 3

BAHAGIAN 4: PERJUANGAN/ KEJAYAAN/HARAPAN

N.H : Okay. Kalau macam itu kita teruskan ke bahagian yang ke-empat, bahagian terakhir. Bahagian terakhir ini mengandungi perjuangan, kejayaan, dan harapan Encik dalam dikir barat ini. Okay, contoh soalan perjuangan macam berapa tahun Encik Megat secara profesional bergiat dalam dikir barat ini?

M.N : Saya bergiat dalam dikir barat ni lebih kurang- *empat-puluh* [40] tahun, *tiga-puluh* [30] tahun lebih dah, tetapi dalam secara profesional saya, apabila saya menceburi dikir barat maka saya tidak kerja lain sudah. Saya berhenti terus.

N.H : Macam *start* [mula] dalam umur berapa Encik Megat?

M.N : Dalam umur *dua-puluh* [20] tahun.

N.H : *Dua-puluh* [20] tahun, *start* [mula] daripada tok guru Encik ambik dari jadi Tok Juara itu. Dari situlah?

M.N : Habis dari sekolah. Saya bersekolah setakat Tingkatan *Lima* [5], sebab saya dah berhenti, terus berhenti untuk beri laluan kepada sebab adik beradik saya. Yang lepas sekolah itu saya terus berdikir barat.

N.H : Sudah lamalah?

M.N : Sudah *tiga-puluh* [30] tahun lebih.

N.H : Nama Megat Nordin yang Encik Megat pegang sekarang adalah nama yang memang terkenal. Ada ke gelaran lain yang orang lain panggil selain Megat Nordin?

M.N : Tidak ada.

N.H : Tidak ada. Memang Encik megat lah? Sebab macam dalam pertandingan seperti Kilauan Emas, Encik Megat membawa nama Nordin?

M.N : Sebab dalam syarat itu, *dia* [pihak penganjur] tidak benarkan siapa-siapa yang pernah membuat rekod kan. Saya ni jadi fikir “aih, aku dah buat rekod kan, banyak, banyak dah kita buat rekod. Walaupun dengan dikir barat tapi rekod jugak” (Megat Nordin berdialog). Rupa-rupanya dia tidak kesah dikir barat. Orang kata tidak apalah dah ada nama kita, sudah letak dekat situ kan. Sebenarnya saya hendak sembunyikan daripada syarat, hendak lari daripada syarat.

N.H : Oh syarat?

M.N : Jadi yang *recording* [rakaman] lagu-lagu dikir barat itu Megat Nordin, ini Nordin. Ha (teruja) saya dah alihkan situ.

N.H : Oh, kiranya Megat Nordin itu memang sudah ada nama dekat Kelantan [Malaysia]?

M.N : Dah ada nama, itu yang buat recording [rakaman] yang dikir barat, Nordin tidak (sambil ketawa).

N.H : Tapi sebenarnya tidak kisah pun?

M.N : Iya (tanda betul) tidak kisah pun sebab pada masa, sewaktu itu Zain bersama dengan saya kumpulan __Arrow kan? Baru-baru saya pergi ke uji bakat, saya tengok Zain pun ada, “eh (reaksi terkejut) Zain ada” (Megat Nordin berdialog) (sambil ketawa), jadi tidak apalah masa itu memang saya tidak mahu masukkan nama Megat Nordin, takut orang protes. Apabila kita menyanyi orang protes. “Haa, Megat masuk dia buat recording (rakaman) kan? (nada tidak berpuas hati)” (Megat Nordin berdialog). Orang melayu dia suka macam itu, apabila tengok orang boleh pergi, dia suka tarik untuk jatuhkan orang lain kan. Jadi saya berhati-hati, saya dah beringat daripada awal. Sebab itu saya tidak masukkan nama Megat Nordin.

N.H : Family [keluarga] Encik tidak mendorong Encik ke-- memasuki dikir barat. Jadi siapa yang mendorong Encik masuk dikir barat? Diri sendiri ke?

M.N : Rakan-rakan.

N.H : Rakan-rakanlah?

M.N : Rakan-rakan, keluarga memang tidak.

N.H : Keluarga memang tidak?

M.N : Keluarga kalau boleh, hari ini suruh berhenti (sambil ketawa).

N.H : Kiranya memang ikut rakan-rakan pergi ke-

M.N : Rakan-rakan dan Kilauan Emas pun macam itu jugak.

N.H : Kilauan Emas juga macam itu?

M.N : Saya tidak mahu. Saya tidak mahu masuk.

N.H : Kiranya ada rakan-rakanlah yang masuk dalam itu?

M.N : Iya (tanda betul) saya masuk ke pertandingan itu sebab dipaksa.

N.H : Dipaksa?

M.N : Kerana dipaksa. Kerana saya memang tidak masuk bertanding. Saya tidak, saya rasa saya sudah umur pun sudah *dok* [makin] meningkat dah, tidak layak untuk bertanding. Tapi oleh kerana saya dipaksa oleh rakan saya dan anak buah saya, E-Arjuna Sukma yang palung gendang dalam *Karoot Komedia* [rancangan dikir barat di Astro], itulah orangnya yang memaksa saya (ketawa). Jadi oleh kerana keakraban kita berkawan, jadi kita nak tolak mesti tidak sampai hati juga kan.

Jadi kita ambil hati dia lah, tidak apa lah, kita masuk lah, tidak apa lah. Jadi pada malam itu, dia hendak pergi ke *Kuala Lumpur* [Malaysia] itu, saya ada *show* [persembahan] di *RTC* [Pusat Transformasi Luar Bandar]. Lepas dikir barat itu, baru saya pergi dengan sehelai sepinggang ini.

N.H : **Terus ke sana?**

M.N : Iya (tanda betul) terus daripada itu terus pergi ke *Kuala Lumpur* [Malaysia] kerana pada waktu itu saya bagi lagi syarat lagi kepada mereka yang hendak bawa saya tu. “Kalau kamu sanggup bawa kereta, okay pergi. Kalau tidak sanggup, saya tidak mahu pergi” (Megat Nordin berdialog). Jadi dia okay, dia berkorban tidak apalah ada salah seorang daripada rakan saya itu sanggup. Tidak apa saya tidur malam itu, dia bawa kereta. Sebab pagi esok kita hendak *audition* [uji bakat], kita nak uji bakat. Jadi saya terpaksa tidur tapi tidak boleh tidur kerana dia bawa kereta laju sangat. Laju sangat dan jalan di Malaysia ini berlubang-lubang (membuat bunyi kereta memasuki lubang). Terkejut kita (muka terkejut) jadi tidak boleh tidur memang tidak boleh tidur. Sampai disana kita asyik meguap je_ _ tidur. Kita pergi pukul lapan pagi. Daftar pukul lapan pagi, pukul lima petang, dekat dengan pukul enam baru sampai giliran.

N.H : Baru sampai giliran?

M.N : Aduh penatnya (muka penat) dengan lagu kita, memang kita tidak *prepare* [bersedia] dengan lagu. Memang saya tidak *prepare* [bersedia] dengan lagu-lagu. Sebab kita di *Kelantan* [Malaysia] tidak diminta untuk bawa lagu-lagu itu sebab saya di-*highlight* [ditekankan] untuk lagu-lagu tradisional, lagu-lagu dialek Kelantan [Malaysia]. Saya sudah- untuk sudah *highlight* [ditekankan] macam itu. Jadi lagu-lagu ini, lagu-lagu komersial ini memang tidak terlibat langsung. Walau kita cuba hendak bawa tapi “oh, *show* [persembahan] sekian-sekian haribulan, awak nyanyi lagu ini, lagu ini.” (Megat Nordin berdialog) Jadi mana ada *chance* [peluang] kita hendak bawa lagu lain kan. Jadi sebenarnya kita ketandusan lagu sewaktu di Kilauan Emas *Empat* [4]. Kalau saya ada bawa lagu, saya yakin yang saya sewaktu uji bakat itu sehingga minggu yang ke-*empat* [4] daripada uji bakat di- di *Anggerik Mall* [Selangor]. Di *Anggerik Mall*, di-*Selangor* [Malaysia], sehingga ke minggu yang ke-*tiga* [3], saya tiap-tiap minggu saya *leading* [menjuarai]. Maknanya saya yang menjuarai tiap-tiap minggu itu. Lepas itu saya ada sakit sedikit. Kadang-kadang di-- kebetulan saya pun sakit sikit lepas itu. Kuat sangat Hattan komen kan, kadang-kadang walaupun kita ada *control* [menjaga], kadang-kadang benda itu datang pasal *sensitivity* [sensitiviti] kita. Walaupun kita tahu itu dia, itu politik dia kan, sepatutnya kita boleh tahan. Kita biasa tapi kadang-kadang dia datang juga. Benda itu datang, benda itu menghantui kita. Dia kata begini-begini-- dia sebab-maksudnya pada minggu ke-*tiga* [3], dia kritik teruk saya kan tetapi pada

minggu yang ke-*tiga* [3] itu juga saya mendahului orang lain dan diberi penghargaan atau pun hadiah, dimana pada ketika itu Hetty Koes Endang datang buat *show* [persembahan] di Hotel Shangri-La, *Kuala Lumpur* [Malaysia] dan saya diberi bonus oleh kerana saya mendahului peserta-peserta lain semua. Bonusnya merupakan tiga biji tiket untuk menyaksikan persembahan Hetty Koes Endang. Jadi saya bawa rakan dua orang rakan lain. Saya seorang dah lepas tiket, dan dua tiket itu kita pilih siapa yang kita hendak bawa. Jadi malam itu dapat menyaksikan secara dekat, dapat salam dengan beliau. Itu merupakan benda kenangan manis saya sewaktu di Astro, Kilauan Emas. Tetapi pada masa yang sama, lepas pada minggu yang ke-*empat* [4], saya dah *start* (mula) kencing manis, saya menghidap kencing manis. Daripada awal tidak ada bacaan di rumah tidak ada bacaan, pergi ke *Kuala Lumpur* [Malaysia] saya *control* (menjaga) makan dan boleh bertahan setakat *dua-puluh-dua* [22]. *Dua-puluh-dua* [22] tu mereka risau itu, mereka risau. Tapi saya *relax* (santai) saja. Tapi oleh kerana pada waktu itu kita tertekan dengan lirik lagi, kita tertekan dengan ketiadaan lagu. Orang lain semua ada bawa *tauke-tauke* (pembuat lagu) lagu semua, mereka dah ahli-ahli *karoeke* (pusat nyanyian) apa semua kan. Kita memang tidak ada, memang. Di *Kelantan* [Malaysia], tambah-tambah *karoeke* (pusat nyanyian) tidak dibenarkan. Jadi rumah pun memang tidak ada, tidak ada harapan langsung untuk kita mengingati lagu apa-apa kan. Jadi apabila sampai disana kita tertekan. Sebab tiap-tiap minggu lagu-lagu baru semua. Habis seminggu ini lagu ini, lagu minggu depan lagu lain. Jadi benda itu benda tidak

yang tidak ada dalam kepala kita. Jadi untuk hendak mengingat melodi sekali dengan lirik nak seimbang dengan muzik apa memang suatu perkara yang susah lah bagi saya sebab kita baru. Walaupun lagu itu orang lain dah berpuluh tahun tahu lagu itu kan, tapi *dua-puluh* [20] tahun itu kita tidak ambil kisah kan. Jadi benda itu tidak masuk dalam kepala. Jadi hendak itu lah, hendak mengingati kita tertekan. Tertekan dengan penyakit yang telah ada, yang-- iya (tanda betul) *combine* [gabung] *dua* [2] itu. Iya (tanda betul) mula lah (ketawa) nasi tidak boleh makan, tinggal sekarang jadi penyakit saya ada lagi lah.

N.H : Jadi semasa hari *audition* (uji bakat) itu, lagu apa yang encik bawa?

M.N : Saya bawa lagu, Aku Penghibur, Jamal.

N.H : Aku Penghibur?

M.N : Aku Penghibur masa itu, diadili oleh Ayai Ilusi dan Siti Hajar, cikgu Siti Hajar.

N.H : Cikgu vokal?

M.N : Terbangun kedua mereka terbangun. Memang lagu itu saya rasa sangat takut hendak nyanyi. Sebab siapa yang bawa lagu itu, daripada pagi sehingga petang seorang pun tidak lulus (menunjukkan aksi orang menyanyi tetapi diangkat kad merah tanda gagal semasa uji bakat) (menyanyi sambil menunjukkan aksi yang sama) "ah kata sudah" (Megat Nordin berdialog).

N.H : Lagu itu memang wajib dibawa?

M.N : Iya (tanda betul) lagu itu memang lagu susah sebab daripada *low note* [nada rendah] memang susah bawa. Dia kena betul-betul sampai, kalau tidak sampai jadi sumbang. Sebab itu lah yang memerangkap mereka-mereka yang bawa lagu itu. Jadi saya kebetulan apabila tiba giliran saya, saya rasa “aku pun macam mereka juga lah” (Megat Nordin berdialog) tapi (ketawa) tapi setelah kita buat Ayai jadi begini (menunjukkan muka juri, Ayai yang teruja). Kita nyanyi, dia dengar. Mula-mula saya ingat dia hendak angkat merah sudah, dia dengar, dengar, dia kata “ni” (Megat Nordin berdialog) (mengangkat bendera hijau) (ketawa) dia dengar sampai habis lagu itu. Sebab *low-note* [nada rendah] berada dalam itu, *high-note* [nada tinggi] pun berada dalam itu. Jadi semua-semuanya lepas. Tapi orang bimbang untuk lagu itu pasal *low-note* [nada rendah]. *Low-note* [nada rendah] itu memerangkap orang.

N.H : Teringin juga saya hendak dengar lagu itu. (ketawa)

M.N : (ketawa) (menyanyi)

*ku nyanyikan lagu ini,
lagu riang dan gembira,
marilah dikau bersama,
menyanyikan lagu indah.*

Itu lah yang paling susah sekali, yang *low-note* [nada rendah]. Tidak sampai tapi

Alhamdulillah [segala pujian bagi Allah] saya boleh buat dengan baik.

N.H : Masa itu yang terbangun (juri terbangun semasa uji bakat) itu?

M.N : Iya (tanda betul) terbangun.

N.H : Kiranya kalau Encik ingat lagi lah, lagu pertama yang Encik bawa bila menceburi bidang dikir barat itu. Lagu pertama yang Encik bawa kalau Encik ingat lagi lah.

M.N : Lagu itu- ingat-ingat lupa- lupa, lama sangat- sikit saja. (menyanyi)

Bilo hari dah larut male,

Tidurlah adikku saye.

Sikit itu saja saya ingat.

N.H : Itu lagu pertamalah?

M.N : Iya (tanda betul) masa saya belajar lah itu. Sebab guru saya ini dia asalnya sebelah *Siam* [Thailand], jadi tidak boleh untuk bahasa *standard* [biasa] ini tidak boleh. Dia dalam dialek *Kelantan* [Malaysia], dialek *Kelantan* [Malaysia] itu dialek *Kelantan* [Malaysia] yang pekat sikit. Saya pun tidak ingat-- melodi rasanya ingat sedikit-sedikit. Cuma ada patah-patah perkataan itu, lirik itu yang tidak ingat.

- N.H** : **Ada juga seperti lirik-lirik *Siam* [Thailand] ke?**
- M.N** : Tidak ada. Semua melayu, *Kelantan* [Malaysia]. (sahabat Megat Nordin ada mencelah)
- N.H** : **Kalau Encik ingat juga lah, tok guru Encik ada cipta lagu, setiap lagu itu mempunyai maksud tersendiri ke bagaimana?**
- M.N** : Lagu hiburan, lagu suka-suka begitu lah. Tidak ada untuk tujuan-tujuan tertentu, tidak ada lah.
- N.H** : **Tidak ada lah? Seperti yang saya tahu kebanyakannya Dikir Barat ada unsur-unsur nasihat.**
- M.N** : Iya (tanda betul) tapi guru saya yang mula-mula ini dia tidak ada lah dia lagu. Sebab dia sendiri tidak pandai menulis, tidak pandai membaca. Cuma dia ingat apa yang dia fikir dalam kepala dia, dia cuba-cuba ingat begitu selepas itu kadang-kadang ayat tidak bagus lah kan. Ayat memang tidak bagus, kalau sekarang memang tidak boleh pakai. Sebab dia tidak bersekolah jadi hendak buat hendak mencipta melodi kalau orang hendak buat pun hendak buat lirik dengan dia kan, dia tidak boleh membaca. Susah lah jadi hendak contohnya hendak-- dalam diari dia itu, hendak tulis contohnya *dua-puluh-empat* [24] haribulan, berdikir di *Rantau Panjang* [Kelantan] kan, dia tulis rantai basikal, buat panjang begitu. (membuat gaya melukis di atas tikar). Dia hendak tulis tidak boleh, dia lukis. (ketawa)

N.H : Siapa yang menterjemah kan itu?

M.N : Dia sendiri lah. Dia tahu lah isyarat itu macam mana. Kalau rantai ini “oh, *Rantau Panjang* [Kelantan]” (Megat Nordin berdialog).

N.H : Kiranya itu antaranya lah. Ada lagi ke cerita-cerita lain disebalik lagu-lagu? Seperti ada berunsur nasihat, lagu yang macam selalu dinyanyikan unsur lain ke macam mana?

M.N : Kebanyakannya bagi saya lah lagu-lagu yang sentimental.

N.H : Sentimental selalunya lah?

M.N : Iya (tanda betul) banyak lagu sentimental.

N.H : Kenapakah?

M.N : Boleh jadi kerana kita ini jiwa macam itu. Jadi apabila kita mahu mencipta melodi itu, jadi melodi itu ke arah itu, lembut-lembut sikit.

N.H : Okay macam tadi encik cakap, Encik ada buat persembahan dekat *London* [England] kan. Ada ke pengikhtirafan ataupun kejayaan tertinggi yang encik pernah capai sepanjang dikir barat ini?

M.N : Sepulangan saya daripada *London* [England], kebetulan pada waktu itu pihak kerajaan negeri membuat pertandingan. Pertandingan bukan berlawan ke apa, pertandingan diantara mereka-mereka yang terlibat dengan seni. Tidak kiralah

dikir barat ke, wau ke, silat ke- main gasing ke, wayang kulit ke semua, di antara mereka-mereka yang terlibat dalam seni ini. Siapa yang menjadi Johan, siapa yang mempunyai pencapaian terbaik yang boleh membawa negeri dan negara ke itu kan (menunjukkan tangan di peringkat atas), yang boleh mengangkat nama negeri. Jadi pada ketika itu saya balik baru balik daripada *London* [England] dan pada masa itu memanglah sibuk. Saya sibuk dengan kerjaya saya ini kan. Kesini, kesana. Jadi pada waktu itu, saya merupakan, mengikut para juri lah, maknanya kemenangan itu akan saya perolehi. Jadi semasa pertandingan dikir barat di stadium, pada waktu itu tercipta sejarah kerana saya menjadi pengadil dan sebagai pengkritik serentak kan. Jadi kita mengadili pertandingan serta kita terus lepas daripada satu kumpulan ini habis, kita mesti beri komen. Apa yang sebagaimana yang berlaku di Astro kan, jadi itu pertama kali dalam dikir barat terjadi macam itu. Orang tidak berani. Orang tidak berani hendak komen sebab takut dikomen lain oleh orang yang lain itu tapi saya berani. Jadi semasa rehat, semasa *break* [rehat] itu, pada ketika itu Exco Kebudayaan, Dato' Haji Anwar Tan membuat pengumuman, keputusan pertandingan (telefon berbunyi). Jadi saya sebagai pengadil, saya tetap dimeja tidak pergi ke lain dah-- jadi dia umumkan keputusan pertandingan ini- kemenangannya adalah dimenangi oleh Megat Nordin. Saya pun biasa lah. Tidak tahu apa-apa sebab kita memang tidak perasan. Dia ulang sampai *tiga* [3] kali orang suruh bangun baru saya bangun. Saya bangun pun macam terpinga-pinga, "apa ini?" (Megat Nordin berdialog). Dia ada bagi tahu hadiahnya diberi kerana saya begini-- penglibatan saya dalam

seni kan begini-- dan hadiahnya adalah merupakan sebuah rumah.

N.H : **Sebuah rumah?**

M.N : Sebuah rumah. Jadi kalau dulu saya menyewa rumah, mana-mana rumah yang paling murah sekali. Kita cari sewa rumah berhantu ke apa (ketawa) boleh rumah murah sikit kan. Tapi tidak kisah dengan hantu itu, biar dia lah. Jadi setelah- diumumkan macam itu barulah saya rasa- pada masa itu diumumkan memang saya memang tidak yakin, “betul ke? Betul ke ini kan?” (Megat Nordin berdialog) Sebuah rumah ini bukan berharga *tiga-puluh-lima* [35] ringgit (ketawa). Jadi setelah- Dato’ Haji Anwar Tan menelefon saya, “okay” (Megat Nordin berdialog) sekian haribulan pergi ke pejabat untuk *Press Conference* [sidang akhbar]. Saya pun macam “hah” (Megat Nordin berdialog menggambarkan teruja) kalau macam itu bukan itu ini, bukan cubaan ini. Ini betul-betul ini. Ini betul-betul (ketawa). Maka situ lah- apabila sampai tarikhnya, saya pun pergilah. Pergi itu penuh dengan wartawan-- dah jadi realiti lah kalau macam itu. Jadi apabila di- *interview* [temubual] oleh wartawan, saya beri tahu lah dapat begini-begini, penjelasan daripada saya kan. Disitu baru saya tahu bahawa, “okay, aku ini dah nak dapat sebuah rumah” (Megat Nordin berdialog) yang kita impikan selama ini kan. Selama ini saya duduk rumah sewa, jadi “aku ini dah nak dapat rumah sendiri dah. *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] lah” (Megat Nordin berdialog). *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] kerana orang lain hendak (telefon berbunyi) buat rumah sendiri mesti kena ada berpuluh-

puluh ribu kan. Kita ini datang dengan- hadiah datang daripada langit seolah macam itu turun (ketawa). Saya bersyukur sangat-sangat dan terima kasih kasih kepada kerajaan negeri kerana memberi sumbangan yang- tidak ternilai bagi saya. Maknanya nilai itu memang tidak ada bagi saya satu- Satu penghargaan yang cukup tinggi selama penglibatan saya dalam seni.

N.H : Kiranya rumah itu dekat *Kelantan* [Malaysia] ke?

M.N : Di *Kelantan* [Malaysia]. Rumah saya di *Kampung Wakaf Tanjung Chat* [Kota Bharu]

N.H : Rumah yang sekarang encik duduk lah?

M.N : Iya (tanda betul) maknanya anak-anak boleh tengok lah, “Inilah kejayaan bapa aku” (Megat Nordin berdialog), memang ternyata tersergam. Walaupun rumah kecil tetapi untuk kita diami, sudah cukup satu keluarga dan Haikal, anak-anak saya pun boleh tengok, “Inilah kejayaan yang dicipta oleh bapa aku kan” (Megat Nordin berdialog) dia akan kata macam itu lah. Maknanya dia boleh bangga kerana orang lain tidak dapat hadiah yang sebegitu.

N.H : Hasil daripada penglibatan dikir barat kan. *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] lah.

M.N : *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah].

N.H : **Macam kalau selain encik cakap tadi, encik ada pernah membuat persembahan dekat Singapura, Thailand.**

M.N : Itupun saya pernah pergi nyanyi dekat *Singapore* [Singapura], dan pernah menjadi juri di *Singapore* [Singapura]. Kita pernah membuat persembahan dan pernah pergi mengajar dikir barat di *Singapore* [Singapura].

N.H : **Mengajar?**

M.N : Iya (tanda betul) dia banyak kumpulan-kumpulan-- rasa *tiga* [3] ke *empat* [4] kumpulan jugak yang saya ajar dan kalau kita ada persembahan di *Singapore* [Singapura] pun tidak perlu bawa yang Malaysia punya. Kecuali hendak berlawan, kita kena bawa yang Malaysia. Kalau tidak berlawan, untuk persembahan biasa, kita bawa kumpulan daripada *Singapore* [Singapura] lah.

N.H : **Kiranya encik ada kumpulan sendiri dekat *Singapore* [Singapura]?**

M.N : Ada.

N.H : **Di Thailand?**

M.N : Anak didik kita yang kita ajar. Di Thailand pun macam itu juga. Kalau hendak pergi, kita pergi seorang, kumpulan telah tersedia ada di sana (ketawa). Maknanya sayap itu terlalu lebar lah kalau kira.

N.H : Tingginya penglibatan encik sampai ke luar negara.

M.N : Iya (tanda betul).

N.H : Ada kumpulan sendiri pula. Banyak atau tidak kumpulan dekat luar negara?

M.N : Kalau dekat Thailand ada *tiga* [3] ke *empat* [4] kumpulan.

N.H : *Tiga* [3] ke *empat* [4] kumpulan?- macam apa yang saya baca dekat Internet-- ada *satu* [1] kumpulan ini- Dikir Barat Millenia. Maknanya dia buat pembaharuan Dikir Barat tersebut macam dalam Dikir Barat baru itu ada main gitar. Apa pendapat encik?

M.N : Bukan salah sebenarnya. Benda tu tidak ada dalam hukum, tidak ada dalam kitab. Kita boleh buat dia. Tapi kalau yang mengikut untuk yang *pure* [tulen] punya itu *pure* [tulen], kita mesti kan tradisikannya. Tapi untuk itu, pembaharuan dia panggil. Pembaharuan dimana *content* [isi], boleh dimasukkan. Tidak salah. Tetapi kalau bertanding memang tidak boleh. Itu bila dah diubah kalau Millenia itu macam satu produk. Macam nak mengempen sesuatu produk. Itu kemungkinan ada *support* [sokongan] dari siapa-siapa untuk buat macam itu.

N.H : Sebab saya tengok dalam kumpulan itu, baju yang mereka pakai cuma *t-shirt* [kemeja-T] biasa, terdiri daripada perempuan dan bermain gitar, alat-alat tradisional seperti rebana macam itu lah.

M.N : Ada juga?

N.H : Rebana tidak ada tetapi *just* [cuma]- gitar.

M.N : Alat lain lagi?

N.H : Yang saya nampak hanya gitar sahaja tetapi nama program itu, Dikir Barat Millenia.

M.N : Boleh, tidak salah sebenarnya membuat suatu benda baru. Tetapi kalau dikir barat begitu dia lengkap dengan _ _ _ dengan alat-alat dia kan. Itu sudah tidak masuk alat dikir barat.

N.H : Tadi encik cakap encik ada album. Album *pertama* [1] itu mengandungi *lapan* [8] lagu kan? Sepanjang penglibatan encik ini berapa buah album yang encik keluarkan?

Saya rasa kalau *sepuluh* [10], *dua-puluh* [20] lebih. _ memang saya tidak rekod.

Kadang-kadang _ saya buat, kadang-kadang pun ada *satu* [1], *dua* [2] lagu *satu* [1] album pun ada untuk mereka-mereka baru yang hendak buat itu cuma dia ambil kita sebagai untuk hendak lariskan album dia itu. Selitkan *satu* [1], *dua* [2] lagu, begitu kan. Dia tumpang lah, dia tumpang kita tapi album dia. Dia

tumpang kita untuk hendak kuatkan pasaran dia kan.

N.H : Kiranya dia ambil lagu Encik masukkan dalam album dia?

M.N : Iya (tanda betul). Kiranya tumpang *glamour* [glamor] lah, tumpang *popularity* [terkenal] itu.

N.H : Encik dapat tidak bayaran?

M.N : Dapat. Memang dia bagi.

N.H : - kiranya memang tidak rekod lain?

M.N : Iya (tanda betul) saya tidak rekod. Album pun lagu-lagu pun tidak ada di rumah saya. *Satu* [1] album tidak ada. Kalau saya meninggal memang tidak ada lagu itu, habis. Di rumah kalau kita nak simpan tidak boleh rakan-rakan datang minta-minta semua sampai satu album tidak ada (ketawa). Saya kalau lagu orang lain yang simpan bukan saya. YouTube yang simpankan untuk saya (ketawa), saya tidak ada. Kadang-kadang orang bagi album, ingat tidak “Eh, lagu ini lagu mana ini?” (Megat nordin berdialog) terdengar- baru teringat lagu itu. Memang kita rekod berapa puluh tahun yang lalu.

N.H : Maknanya encik sendiri pun tidak ingat.

M.N : Tidak ingat sebab benda itu tiada dalam simpanan. Apabila kita rekod habis. Untuk kita dikir kan ada la- *dua-puluh* [20] lagu begitu lah.

N.H : Sepanjang encik nyanyi lagu, sebab encik cakap tidak perlu rekod. Encik sendiri pun tidak ingat kan-- lagu mana yang mendapat sambutan?

M.N : Lagu Kamalia itu. Kalau lagu dikir lagu Kamalia ataupun lagu Usia Remaja. Kalau lagu nyanyi lagu Ambo Ghaso Bekene itu dengan Hajat tidak Sampai. (Megat Nordin menyanyikan lagu Hajat tidak Sampai)

Sedari kecil bersuko hila,

Sudoh besa lagu ni,

Hajat tok sapa dik wey duduknyo sorey diri.

(ketawa) Lagu itu memang *top* [kemuncak] di radio dan salah satu ramai peminat. Diantara artis-artis kita di *Kuala Lumpur* [Malaysia] ramai. Nombor *satu* [1] sekali lagu Nasir Wahab. Nasir Wahab itu dia dengar dia kata dia menangis dengar lagu itu. Dia tidak berapa faham sangat kan tetapi ada *satu* [1] malam saya *show* [persembahan] dengan dia di *Hotel Perdana* [Kota Bharu]. Jadi pukul *sebelas* [11] hendak turun datang ke *Kota Bharu* [Kelantan] dari rumah dia. Dia kata dia tidak keluar rumah apabila lagu itu dipasang berkumandang di radio, dia tidak keluar rumah- dia terus dia dengar dulu (sambil membuat muka khusyuk mendengar)-- selepas itu apabila habis lagu baru dia keluar. Selepas itu malam terjumpa dengan saya dan dia minta izin- "Saya malam ini macam mana pun saya nak peluk Megat" (Megat Nordin berdialog) (ketawa) Jadi kerana permintaan "Okay, peluklah" (Megat Nordin berdialog) jadi macam itu. Selepas itu, suami kepada Noraniza Idris , Juffri Hudi

masa itu masa Kilauan Emas, Noraniza masuk dalam kelas sudah, ada segmen dia dalam kelas itu untuk bercakap sedikit, beri penerangan sedikit. Jadi dia tahu saya ada dalam itu, jadi dia panggil suami dia Juffri (membuat gaya memanggil orang), Juffri naik atas itu, tengok, peluk saya (ketawa).

N.H : Memang peminat encik lah?

M.N : Iya (tanda betul) kira lagu itu memang ramai peminat. Ramai sangat peminat. Dan mantan Ketua Menteri Sarawak sendiri pun minta album itu. Oleh kerana saya sendiri tiada dalam simpanan, sampai ke hari ini saya tidak beri. Termasuk dengan Tengku Anis sendiri, mahukan album itu tetapi tiada dalam simpanan. Di kedai pun saya rasa tidak ada sekarang ini. Cuma ada di studio, di studio memang ada lah.

N.H : Selalunya encik merakamkan lagu di mana?

M.N : Di *Kota Bharu* [Kelantan] ini juga.

N.H : Kiranya lagu Hajat tidak Sampai menaikkan nama encik?

M.N : Iya (tanda betul) lagu itu memang dia masuk *trending* [terkini]- Klasik Nasional di *Kuala Lumpur* [Malaysia]. *Trending* [terkini] ini memang tiap-tiap hari.

N.H : Itu yang sayangnya tidak dapat royalti.

M.N : Itu lah, tapi itu lah dikira nasib kan macam-macam hendak terjadi. Nasib kita dah memang macam itu kan- kita usaha bukan tidak usaha hendak dapatkan *PRISM* [Performers Rights and Interest Society of Malaysia] royalti untuk penyanyi tetapi memang tiada sesiapa. Kita hendak pergi ke mana di *Kuala Lumpur* [Malaysia]? Di stesen bas ke mana ke? (ketawa) Pejabat kita tidak tahu. Selepas itu kalau tiada orang yang hendak bawa kita memang tidak boleh. Kita tidak tahu cara macam-macam mana kan. Memang *last* [akhir] sekali fikir “Biar lah, tidak apalah” (Megat Nordin berdialog).

N.H : Harapnya suatu hari nanti ada orang yang--

M.N : Tidak tahulah itu. Macam mana nak jadi kita tidak kisah sangat.

N.H : Kiranya encik ada cerita mengenai orang-orang di *London* [England] menggemari persembahan encik. Apa reaksi orang-orang di *London*[England] itu macam--

M.N : Dia begini, dia apabila sesuatu benda yang baru, yang baru dia tengok kan. Seumur hidup dia, dia tidak pernah tengok, dikir barat macam itu ataupun dengar lagu-lagu begini (telefon berbunyi). Semua dia tidak pernah tengok dan apabila *first time* [pertama kali] dia tengok, ini benda sesuatu benda yang luar biasa bagi dia kan. Satu persembahan yang menarik dan dia tidak pernah tengok. Lagi pun penyanyi itu boleh jadi bawa suara itu, dia dengar okay, boleh kan.

Apabila boleh, dia pun terikut-ikut lah. Sampai saya bercakap dengan salah seorang nama- Mustafa Kamal daripada *Cyprus* [Turki]. Dia duduk di *Covent Garden* [London] jugak yang dekat dengan sungai yang kita boleh sewa situ. Jadi dia kata suara awak ini memang bukan kenegerian *so* [jadi] suara awak ini antarabangsa. Kata “Aih mana boleh, saya ini Malaysia saja, saya ini penyanyi kampung saja” (Megat Nordin berdialog). Dia kata “vokal awak memang untuk penyanyi antarabangsa” (Megat Nordin berdialog). Tapi tidak tahu lah itu dia. Kan kita semasa membuat persembahan itu, seronok lah sebab kita mendapat *respond* [tindak balas] daripada-- dengan sambutan dengan tepuk tangan dengan sorak-sorak macam-macam lah. Jadi kita faham mereka terhibur. Jadi susah kita sebagai penyanyi untuk hendak menghiburkan orang. *Satu* [1] benda yang cukup susah nak menghiburkan orang itu, supaya orang pun menari bersama dengan kita kan. Susah.

N.H : Apa beza reaksi peminat dekat *London* [England], *Singapore* [Singapura], dan *Thailand*?

M.N : - Kalau kita kira penonton- penonton di luar negara selain daripada Malaysia, lebih baik daripada penonton daripada Malaysia. Lebih baik mereka sebab mereka menghormati seni. Orang *Kelantan* [Malaysia] ini, terutama sekali orang *Kelantan* [Malaysia], dia tidak hiraukan sangat seni. Kalau kita menyanyi _ kadang-kadang bersorak, berjalan tidak tentu hala. Contoh kita kata di sebelah *Siam* [Thailand], sebelah Thailand, apabila kita berfikir, semua kalau duduk,

duduk semua. Kalau tepuk tangan, tepuk tangan semua. Disiplin. Kalau di Kelantan [Malaysia] (melakukan aksi bersorak) bersorak sini. Tidak boleh. *So* [jadi] kita pun tidak ada- tidak boleh nak fokus sangat. Tidak boleh sebab mereka tidak- memanglah tidak *respect* [hormat] seni. Jadi contohnya semasa saya ke Bukit Tinggi, Indonesia suatu ketika dahulu. Saya berfikir barat lah dengan Jen Endoro-- maknanya sambutan mereka itu cukup-cukup bagus. Mereka yang naik bagi hadiah bunga kepada kita kan, mereka yang umur sudah enam puluh lebih. Sanggul begini (menunjukkan gaya sanggul di kepala) naik beri bunga dengan begini lagi (menunjukkan gaya hormat). Hormat, memang mereka hormat apabila kita menyanyi satu lagu habis, tepuk tangan. Maknanya kita nampak di situ kita nampak dia *respond* [tindak balas] dia cukup baik. Begitu juga dengan *Singapore* [Singapura]. *Singapore* [Singapura] pun macam itu. Tidak ada lah _ bersorak ke, tidak boleh, tidak ada. *Singapore* [Singapura] memang dia disiplin, dia menghormati seni.

N.H : Rasa dihargai?

M.N : Iya (tanda betul) jadi kita pun rasa banggallah _ bila kita dihargai, kita rasa “*Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], kita dah lepas hajat kita dan tugas kita sebagai penghibur” (Megat Nordin berdialog). Kita rasa dah lepaslah, cukup-cukup lah. Macam itulah.

N.H : Lepas sahaja encik buat persembahan itu kan, dapat *respond* [tindak balas] yang positif. Ada ke tidak orang-orang dekat sana yang bertanya terus (sahabat Megat Nordin batuk) dekat encik mengenai seni lagu ini? Cara pembawakan ataupun cerita di sebalik lagu ini ke?

M.N : Ada. (sahabat Megat Nordin batuk) Kalau macam di Malaysia, masa saya buat persembahan di *Jakarta* [Indonesia], ada peminat-peminat yang sentiasa menunggu kita. Kalau *show* [persembahan] kita lepas daripada pukul *sembilan* [9] pagi, pukul *tiga* [3] petang kita ada lagi *show* [persembahan], mereka akan tunggu. Apabila pukul *dua* [2] setengah petang, kita tengok dah makcik itu sampai. Orang-- peminat saya tua-tua, *enam puluh* [60] tahun (sambil ketawa). Tetapi maknanya mereka betul-betul maknanya- mengagumi persembahan saya sebenarnya. Sebab apabila di *Jakarta* [Indonesia], saya bawa lagu-lagu- kita campur lagu-lagu dan-- dalam dialek *Kelantan* [Malaysia] dengan lagu-lagu Indonesia. Contohnya kita kata, kita satu rumpun bangsa yang sama tetapi cuma dialek masing-masing ada. Kalau di *Kelantan* [Malaysia] dialek macam lain, bukan bahasa _ , dia ada dialek lain. Jadi contohnya begini dan kita terus bawa lagu itu dalam dialek *Kelantan* [Malaysia] selepas itu “okay, ini dialek *Kelantan* [Malaysia]” (Megat Nordin berdialog). Di Indonesia pun, saya-- di maknanya penyanyi-penyanyi daripada Indonesia memang diminati ramai dan dikagumi oleh semua peminat di Malaysia. Contohnya lagu ini, penyanyi ini begini, salah satunya _ terus kita pasang terus muzik itu, kita bawa *minus one* [rakaman]. Jadi apabila kita bawa lagu *cd* [cekerap padat] Eddy Silitonga ke lagu *Broery*

[Broery Marantika] ke, atau penyanyi-penyanyi yang termasyhur di tempat dia, dia rasa kagum. “Oh penyanyi Malaysia memang minat orang kita” (Megat Nordin berdialog). Jadi dari situ timbul minat dia untuk bersama dengan kita sebab kita menghormati penyanyi dia. Jadi- masa kita hendak buat persembahan lain dia ada tanya “okay Encik, pukul berapa pula esok pukul berapa? Petang esok pukul berapa?” (Megat Nordin berdialog). Jadi kita bagi jadual itu dan apabila kita membuat persembahan, mereka sudah sampai awal. Jadi disitulah kita rasa kita dihargai.

N.H : -Kalau dekat Thailand sendiri, kalau Thailand tidak pun *Singapore* [Singapura], ada ke tidak saingan dalam dikit barat itu? Macam di sana ada kumpulan sendiri. Ada sendiri Tok Juara itu.

M.N : Kalau di *Singapore* [Singapura], memang saya akui persembahan mereka memang cukup menarik dan saya memang kagum, menghormatilah persembahan yang mereka buat kerana orang *Singapore* [Singapura] ini orang yang berdaya maju, orang yang mempunyai cita-cita yang tinggi dan semangat yang kuat. Contohnya persembahan dikit barat di *Kelantan* [Malaysia], kita di_ dahulu dalam bentuk bulatan, kalau berbaris pun kita buat sekadar-kadar sahaja. Tapi apabila dia pandai dikit barat, dia olahkan sendiri. Contoh dia *import* [bawa] ataupun dia cari *colography* [kolografi] yang baik untuk membuat tarian. Dengan *costume* [pakaian] yang baik, dengan tarian lengkap, dengan _ yang cukup-- memang satu persembahan yang cukup menarik bagi *Singapore*

[Singapura]. Cuma dia tidak boleh *leading* [mengetuai]- Juara dengan Tukang Karut. Juara pun ada anak murid saya yang nama Alif, memang apabila bertanding di antara *tiga* [3] negara, Malaysia, *Singapore* [Singapura] dan Thailand. Hadiah yang dimenangi oleh pemenang daripada *Singapore* [Singapura], Juara terbaik boleh kepada *Singapore* [Singapura]. Juara terbaik dapat kepada *Singapore* [Singapura], persembahan terbaik-- gaya persembahan dapat kepada *Singapore* [Singapura]. Cuma dia tidak boleh ambil Tukang Karut kerana *telo* [sebutan] tidak boleh. Kalau dia boleh *telo* [sebutan] *Kelantan* [Malaysia] habis. Kesemua dia sapu bersih. Sebab memang persembahan dia memang _ bagi saya pasal saya akui persembahan memang cantik. Kalau di Thailand pula, dia lebih teruk daripada Malaysia pula. Iya (tanda betul) lebih teruk, tidak berapa itu sangat, dia tidak berapa penting sangat kepada mutu persembahan. Dia bersahaja begitu (menunjukkan gaya bersahaja) jadi tidak boleh. Itu perbezaan antara Malaysia, Thailand dengan *Singapore* [Singapura]. Yang terbaik sekali *Singapore* [Singapura], kalau bagi saya. *Second* [kedua] Malaysia dan Thailand paling teruk sedikit.

N.H : Selain *tiga* [3] negara ini, ada negara lain ke?

M.N : Tidak ada. Tapi saya bercita-cita dan berbincang dengan Yi Arjuna Sukma, “macam mana kita hendak melebarkan sayap dikir barat ini sampai ke Indonesia dan Brunei?” (Megat Nordin berdialog). Saya telah memikirkan cara tapi saya siapa sangat, tidak ada-- maknanya kalau kita bagi pendapat pun macam mana

cara hendak melebarkan sayap dikir barat itu ke *dua* [2] buah lagi negara, Indonesia dengan Brunei. Kerana *satu* [1] rumpun ini menggunakan Bahasa Melayu, apa salahnya kita buat pertukaran budaya? Ambil budaya-- kita ambil yang Brunei, buat persembahan di sini dan ajarkan persembahan dia. Bagaimana tarian ke- kita ambil dan kita hantar sebagai pembalasan, kita hantar, kebetulan dikir barat, untuk buat contoh persembahan di sana dan kita latih orang kita untuk mengajar budaya. Jadi daripada situ berkembangnya dikir barat. Benih, yang mustahaknya benih. Macam getah daripada *Brazil* [Selatan Amerika] datang ke Malaysia, bukannya dia bawa dengan pokok-pokok, cuma bawa benih. Tapi daripada benih itu berkembangnya sampai ke __. Jadi cadangan saya dah- dah banyak bagi cadangan tapi kadang-kadang kita rasa kecewa kerana kita fikir, kita bersemangat untuk membawa dikir barat itu ke seluruh nusantara tetapi pandangan kita kadang-kadang mereka tidak ambil peduli. Kadang-kadang kita rasa kecewa (reaksi kecewa). Sebab itu sekarang saya pun cuba mengundurkan diri, mendinginkan diri kalau- sebabnya cadangan kita pun siapa hendak dengar? Kita semangat kuat, kalau kita tidak- semangat tidak kuat tidak mengapa. Lagipun perasaan kita itu untuk menyebarkan dikir barat itu sampai ke Indonesia, sampai ke Brunei kan. Kerana mereka faham dikir barat ini boleh buat tetapi kenapa contohnya kata mereka-mereka yang terlibat dengan kebudayaan tidak ambil berat? Sepatutnya kita cari pengaruh. Itu kerja kita. Kita dibayar gaji oleh kerajaan. Kita dibayar gaji oleh kerajaan untuk memelihara dan menjaga benda ini supaya benda ini berkembang. Bukan setakat memelihara

tetapi benda ini kita jaga biar berkembang. Tetapi kenapa setakat memelihara sahaja? Untuk mengembangkan benda itu tidak ada. Sepatutnya kita buat, contoh saya kata buat pertukaran budaya. Macam dalam radio kan ada, diantara Brunei dan *Kota Bharu* [Malaysia], contoh kita kata, kenapa tidak boleh buat-dengan dikir barat? Dah kita sudah ada kuasa, contohnya kita katakan kita dah jadi orang nombor *satu* [1] di-- bahagian kebudayaan, kenapa tidak cari “bagaimana aku hendak usahakan benda ini?” (Megat Nordin berdialog). Kita kena ada strategi, pendapat saya dah bagi. _ kadang-kadang kita rasa, kalau bagi pendapat pun mereka tidak pedulikan sangat, lebih baik kita berdiam diri sahaja.

N.H : **Kiranya kalau menyuarakan pendapat pun tidak sampai dekat--**

M.N : Tidak sampai juga. Jadi benda itu saya rasa, kalau boleh buat memang menjadi. Sebabnya bahasa pertuturan Malaysia dengan Indonesia sama, bahkan *Singapore* [Singapura] juga sama. Brunei pun sama. Saya telah pergi semua itu, sama. Tetapi kita telah bawa dkit barat itu cuma Indonesia tidak. Indonesia saya pergi menyanyi sebagai penyanyi bukan pendikir. Di Brunei saya bawa kumpulan dikir. Apa salahnya kita apabila pergi itu, diantara ketua dengan ketua berbincang bagaimana kita hendak supaya hubungan silaturrahim diantara *Kelantan* [Malaysia] dengan Brunei, contohnya. Kita katakan “okay yang Brunei pergi buat *satu* [1] persembahan dan kita akan ambil persembahan ini untuk ada, untuk dihidupkan di *Kelantan* [Malaysia]” (Megat Nordin berdialog). Begitu juga yang *Kelantan* [Malaysia], kita akan ambil dikir barat itu dan

dihidupkan di Brunei. Itu sebenarnya benda kita boleh buat. Kita pergi melawat, buat persembahan, kenapa tidak boleh berbincang benda itu? Dia kata dah sampai. Diantara pemimpin kedua-dua negara ini kan, sudah ada, telah bersemuka, kenapa tidak boleh hendak buat macam ini?

N.H : Kira pertukaran budaya?

M.N : Iya (tanda betul) pertukaran budaya.

N.H : Kalau dapat dijalankan memang berkembang.

M.N : Baru dikir barat itu berkembang ke nusantara. Ini kita cakap untuk mengembangkan ke nusantara tetapi kita tidak buat.

N.H : - tadi macam encik ada terangkan persaingan dekat Singapura tidak pun di Thailand, kalau dekat dalam Malaysia sendiri? Macam ada nama-nama dalam dikir barat ini macam contohnya Roy Kapilla dan semua itu.

M.N : Nama-nama besar dalam dikir barat ini ramai. Banyak dalam- contohnya Roy Kapilla itu. Roy Kapilla, Cikgu Sullizi, Halim Yazid dan muka-muka baru ini ramai macam Fadil Turbo, Ezry Lelayang Putih. Ramailah, ramai. Ramai pelapis-pelapis baru yang akan mewarnai dikir barat suatu hari nanti.

N.H : Kiranya dalam nama-nama ini ada kumpulan-kumpulan sendiri?

M.N : Mereka yang saya sebutkan tadi tidak ada kumpulan. Dia tukang karut.

N.H : Oh tukang karut?

M.N : Juara ini jarang-jarang sedikit ada. Juara ini tidak banyak saya tengok. Kalau kumpulan baru, Ismail Anak Kala, Setapo Merak Mas, Ramli Raja Laut, dan Yie Penglipur Lara yang saya beritahu tadi, yang boleh menggantikan saya itu.

N.H : Jadi sepanjang encik menceburi bidang dikir barat ini, kenangan paling manis yang encik dapat.

M.N : Kenangan paling manis semasa saya berada di *London* [England] kerana saya fikir yang saya diberi penghormatan oleh sebuah kerajaan Malaysia bukan negeri. Dan- pemilihan itu berlaku semasa saya buat persembahan semasa pertabalan Yang Di-Pertuan Agong, Sultan- (menanyakan soalan kepada sahabat beliau yang berada di sebelah) Yang Di-Pertuan Agong daripada Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar. Pertabalan Tuanku itu saya diberi penghormatan untuk buat persembahan. Di dalam itu Dato' Seri Rais Yatim berkenaan dengan cara saya nyanyi dan disitu dia beritahu pegawai dia untuk menelefon saya untuk beri tawaran untuk buat persembahan di *London* [England]. Pada mulanya saya tidak percaya, "buat apa ni dengan *London* [England] ni, dikir barat ni, betul ke?" (Megat Nordin berdialog). Dia kata jadi saya pun tanya sebab apa saya dipilih? Saya tanya sebab hendak buat *passport* [pasport] berapa ratus kan? Memang kita buat *passport* [pasport] __ __ mereka-mereka tidak panggil kita, cuma jadi cuma ura-ura, dah kita buat tidak boleh. Biar dia *confirm* [sahkan] sebab apa saya dipilih? Dia kata sebab-- pemilihan ini dibuat oleh Dato' Seri

Rais Yatim sendiri semasa awak melakukan persembahan di *Dataran Merdeka* [Kuala Lumpur] semasa pertabalan Agong. Jadi kalau macam itu, baiklah saya buatlah *passport* [pasport]. Buat *passport* [pasport] dibiayai oleh Kementerian. Jadi pada situlah, selepas itu saya dipanggil ke *Kuala Lumpur* [Malaysia] untuk dibuat *press conference* [sidang akhbar] untuk beri baju untuk kita pakai semasa-- uniform-- rombongan kita daripada Malaysia pakai samalah. Jadi __ __ balik sini jadi semasa persembahan di *Kuala Lumpur* [Malaysia] (tersalah lokasi)-- di *London* [England] itu saya rasa, saya maknanya penglibatan saya dalam dikir barat ini memang berbaloi. Sekadar dapat duit itu tetapi mahu sampai ke *London* [England] itu bila? Kalau tidak dengan kerana dikir barat maka saya rasa saya tidak sampai. Tidak sampai- kerana perjalanan dengan kapal terbang, saya mengambil masa *tiga-belas* [13] jam tanpa henti. Memanglah *impossible* [mustahil] kalau sampai pun, _ memang tidak sampai dan rasanya kalau tidak ada lagi undangan macam itu memang saya tidak sampai sudah.

N.H : **Ketika itu encik umur berapa?**

M.N : Umur rasanya dalam *tiga-puluh* [30] an. Dalam *tiga-puluh* [30] an, masih muda lagi lah.

N.H : Itu kenangan manis, kalau ada- ada ke tidak kenangan pahit?

M.N : Kenangan pahit kita sebagai penghibur memang banyak. Kadang-kadang-- tetapi jaranglah berlaku kerana kita menjaga terlebih dahulu disiplin kita. Tetapi kadang-kadang itu ada pun sedikit sangat saya tidak perasan. Kenangan pahit itu kadang-kadang-- Sewaktu saya pergi buat persembahan di *Johor* [Malaysia], _ persembahan itu di tempat Ekspo, beli tiketlah. Jadi kita pergi, selepas persembahan biasanya mereka bayar. Jadi selepas persembahan, penganjur lari. Penganjur lari, kita dah keluarkan duit minyak apa semua dengan makan awak-awak semua. Jadi bukan hendak untung, rugi pun ada. Rugi pula yang kita terima. Jadi itulah kenangan pahit kerana kita buat persembahan tidak dibayar. Kalau dekat-dekat tidak apa, ini *Johor* [Malaysia].

N.F : Kiranya *transport* [kenderaan] lagi semua-

M.N : Iya (tanda betul) dengan makan minum lagi dalam perjalanan.

N.H : Kumpulan pun encik bawa sendiri?

M.N : Iya (tanda betul) bawa kumpulan sendiri. Berapa puluh- kalau *dua-puluh-lima* [25] orang, bayanglah sekali berhenti berapa ratus?

N.H : Macam tadi encik ada cakap rancangan-

M.N : Oh *satu* [1] lagi. Penglibatan saya dalam seni boleh yang peristiwa pahit yang saya digantung oleh Kementerian Kebudayaan selama tujuh [7] tahun.

N.H : Digantung?

M.N : Dengan *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] dan Pejabat Kebudayaan tidak ambil saya sebab mereka mengatakan saya terlibat dengan politik. Apabila saya menerima anugerah sebuah rumah oleh kerajaan negeri, maka dia kata “Megat mesti orang kuat kerajaan negeri” (Megat Nordin berdialog). Kalau tidak kerajaan negeri mana boleh bagi begini. Jadi dia tidak tahu bahawa saya dinilai mengikut- bakat kita, kebolehan kita. Mereka tidak tahu, dia kata kita terlibat dengan politik. Maka apabila terlibat dengan politik, saya digantung. Tidak boleh disiarkan dalam *RTM* [Radio Televisyen Malaysia], hendak sebut lagu pun tidak boleh dalam *Radio Televisyen Malaysia* [RTM]. Kalau iklan contohnya, iklan, hendak sebut “malam ini Megat Nordin bersama dengan kita- tidak boleh. Megat Nordin tidak boleh sebut. Tidak boleh disebut. Diharamkan terus. Saya baru terlibat dengan *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] baru *setahun* [1] lebih sahaja selepas digantung *tujuh* [7] tahun tunggu. Jadi saya rasa *satu* [1] benda yang zalim, membuat diri saya macam itu. Kerana itu periuk nasi kita, kita tidak ada kerja lain. Kita tidak ada kerja lain tiba-tiba kita digantung. Seolah-olah orang hendak bunuh kita. Bila dah lapar __ __ itu. Inilah dalam politik, suatu benda yang tidak baik- yang berlaku maknanya racun telah dimasukkan ke dalam seni. Sebab itulah daripada situ saya mula tidak ambil kisah sangat dalam penglibatan dikir barat. Saya mendiamkan diri dan mengundurkan diri.

N.H : Tidak ada tindakan macam hendak pertahankan diri encik?

M.N : Tidak ada guna sebab kalau kita beritahu dengan orang supaya dilepaskan penggantungan kita, tiada siapa yang hiraukan.

N.H : Itu dari tahun berapa?

M.N : *Tujuh* [7] tahun itu saya ingat dalam tahun- setahun lepas saya baru habis gam. Masa itu Dato' Sayuti Mokhtar datang balik bertugas ke negeri *Kelantan* [Malaysia] sebagai pengarah. Sebagai pengarah, dia panggil saya, "okay awak kena terlibat dengan *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] balik (Megat Nordin berdialog). Jadi pada situlah lepasnya saya daripada tali gantung.

N.H : Kiranya baru lagi?

M.N : Ya baru. Kiranya terima kasih banyak kepada Dato' Sayuti Mokhtar kerana mencantas tali gantung saya (ketawa).

N.H : Ada lagi kah kenangan pahit encik? Atau itu yang paling pahit yang encik rasa?

M.N : Ada lagi, itu tidak teruk sangat tetapi penglibatan saya di dalam dikir barat ini, saya terkena sihir. Banyak kali terkena sihir. Dalam permainan ini kadang-kadang orang hendak mengatasi kita tidak boleh, timbul lah hasad dengki ke apa-apa ke. Jadi seolah macam kita dicemburui. Apabila kita dicemburui maka cara nak mengatasi _ tidak boleh. Dengan cara vokal, dengan cara baik pun

tidak boleh, mesti kena lemahkan diri. Sebelum saya kena santau lah, kena sihir, sebelum suatu ketika saya rasa saya sudah tidak ada harapan untuk hidup. Sakit dekat perut, jadi buncit. Kalau kita bernafas jadi makin sempit, kalau kita batuk dia lagi naik dekat perut. Lagi _ lagi perut. Saya tak-- saya rasa hendak cakap pun tidak boleh. Tidak berdaya hendak berjalan tidak boleh, mengesot boleh. Petang- terutama sekali petang hari lah, petang hari dia jadi penyakit itu. Sehingga isteri juga pun dihasut jadi tidak sedar diri, keadaan rumah itu jadi tidak tahulah. Jadi- bagi saya, tidak kisah tetapi azab itulah.

N.H : Banyak kali jugalah encik kena--

M.N : Banyak kali sudah kena. Masalah sihir ini banyak berlaku dalam dikir barat- tapi sekarang saya harap tidak adalah. Generasi baru ini rasa tidak main sudah benda-benda macam ini.

N.H : (enjin motorsikal berbunyi) Tadi encik ada cakap tentang rancangan encik hendak mengembangkan ke Indonesia dan Brunei. Selain daripada rancangan itu, ada atau tidak encik fikirkan cara untuk mengembangkan lagi? Selain daripada--

M.N : Itulah benda-- saya rasa benda itulah yang saya fikir. Kalau mereka-mereka dengar pandangan saya dan buat, saya rasa itulah suatu benda yang besar dalam hidup saya yang saya boleh tinggalkan untuk mereka-mereka yang terlibat dalam seni dikir barat. Sebabnya saya rasa mereka-mereka lain tidak

memikirkan, tidak terfikir untuk mencetuskan idea ke arah-- Jadi yang saya _ satu lagi misalnya hendak buat satu melodi untuk lagu penutup, lagu Wau Bulan itu. Lagu lebih kurang sama tetapi melodi lain sedikit. Tetapi saya tidak buat lagi, benda itu sudah ada dalam kepala. Sebab yang tidak jadi itu sebab saya sekarang ini sudah kurang sikit mengajar. Jadi kalau mengajar pun saya rasa anak-anak buah pergi _ juga, sebab saya untuk ambil bahagian untuk persembahan sahaja. Untuk di tempat-tempat itu ada orang ini. Tempat ini, orang ini dah ajar. Saya pergi pun untuk bawa terus. Jadi kalau saya berlatih sekali bolehlah saya buat “okay cuba buat begini-begini” (Megat Nordin berdialog) Baru kita boleh buat. Tetapi masalah-- untuk latihan bersama mereka ini saya rasa hendak pergi itu buang masa. Jadi lebih baik kita duduk diam di rumah.

N.H : Pada pendapat encik, seandainya rancangan yang encik cakap tadi, hendak mengembangkan ke Brunei, Indonesia menjadi. Encik rasa sambutan menjadi ataupun tidak?

M.N : Saya rasa apabila terlibat dengan pemimpin-pemimpin diantara kedua-dua buah negara contohnya kita kata pengarah kebudayaan negeri *Kelantan* [Malaysia] dengan pengarah kebudayaan di Indonesia contohnya kalau di *Bukit Tinggi* [Indonesia]-- Apabila kita buat pertukaran budaya macam kita pun boleh melawat negeri mereka, mereka pun boleh datang ke negeri *Kelantan* [Malaysia]. Jadi disini tidak ada salah bagi saya. Jadi kalau berlaku macam itu,

saya rasa bangga. Walaupun tidak-- saya tidak memerlukan upah. Saya rasa inilah pandangan kita hasil dari penglibatan kita selama ini dalam dikir barat, inilah sumbangan paling besar kita boleh beri. Jadi kita hendak bangga dengan itulah- apabila orang terima pakai pendapat kita, kita rasa "inilah pengorbanan aku kepada dikir barat" (Megat Nordin berdialog). Inilah salah satunya benda yang paling berharga kita bagi. Sedangkan orang lain tidak pernah memikirkan benda macam itu. Sebab itulah apabila pendapat kita tidak dihiraukan oleh mereka-mereka yang terlibat itu, pihak yang bertanggungjawab itu, maka kita rasa *frust* [kecewa]. Sebab kita fikir cadangan ini memang *molek* (bagus), memang cantik. Selepas itu kita bukan tidak pergi ke Indonesia, kita pergi ke Indonesia. Bukan orang Indonesia tidak datang ke *Kelantan* [Malaysia], datang ke *Kelantan* [Malaysia] tetapi kenapa tidak bincang benda ini? Kerana kita gunakan tempat teratas dalam budaya, kenapa tidak berbincang? Benda sedikit sebab itu kita rasa *frust* [kecewa], "alah" (Megat Nordin berdialog). Asyik hendak makan gaji, kalau kita cakap macam itu jadi kasar. Itu kalau-- sebab itu saya rasa baik saya diamkan diri, orang pun tidak marah, lagikan digantung (ketawa).

- N.H** : Untuk menyambung warisan contoh penglipur lara tadi, pesanan encik kepada penyambung warisan itu mengenai *attitude* [sikap].
- M.N** : Bagi saya kalau mereka hendak menyambung betul-betul hendak menjadi seorang pendikir yang baik, mesti jaga disiplin. Disiplin sama ada kedatangan di tempat kita berlatih, kedatangan di tempat orang memanggil kita itu. Selepas itu, disiplin diri kita sendiri, dengan awak-awak, dengan orang ramai. Mesti personaliti kita kena jaga juga kan? Dan percakapan kita dengan orang, hormat kita kepada orang lain. Kita mesti kena ada semua itu, jangan kita jadi angkuh. Kedang-kadang kebanyakannya yang baru-baru ini naik sedikit sudah angkuh, lupa diri. Sebenarnya tidak kemana pun kita. Orang lain yang menilai bukan kita yang meletakkan diri kita di mana-mana- di tingkat-tingkat mana. Sebenarnya kita dinilai oleh orang, bukan kita yang meletakkan diri kita sendiri. Itu tidak boleh. Biar orang. Sebab saya, saya tidak pernah kata saya terbaik, saya tidak kata. Cuma orang yang menilai kita. Suara kita macam ini, “oh, suara aku yang paling sedap” (Megat Nordin berdialog). Tidak perlu. Orang lain ada telinga ada mata boleh menyaksikan persembahan kita, boleh mendengar kita menyanyi ke kita menjuarai lagu ke. Orang boleh tahu, mesti orang boleh menilai. Sebabnya kita tidak bertanding, kita membuat persembahan. Kalau bertanding pun kadang-kadang *bias* [berat sebelah]. Kebanyakannya kumpulan yang tidak sedap, yang lepas-lepas yang menjadi Johan. Yang sedap itu tidak boleh. Ini ada benda dalam pertandingan, maklumlah macam itu.

N.H : Jadi encik ini- hendak tanya sedikit, sebelum encik membuat persembahan dikir barat. Encik ada membuat latihan ke?

M.N : Kalau dahulu saya memang buat latihan kalau dahulu. Sebab masa kita mula-mula dahulu kita jaga. Jaga populariti kita, jaga nama kita, hendak jaga persembahan kita supaya orang terhibur dan orang kagum dengan persembahan kita. Selalu orang tengok, “oh kalau kumpulan Megat mesti awak-awak dia bagus” (Megat Nordin berdialog). Orang tahu, apabila kumpulan Megat Nordin mesti kumpulan yang terbaik. Saya tidak benarkan orang lain lebih pada saya, itu azam kita. Saya tidak benarkan, seri pun saya tidak hendak. Kalau sama kuat pun saya tidak hendak. Saya mesti lebih kuat dari yang lain. Mesti kita kena lebih pada orang. Sebab itu kita-- orang nampak apabila kita lebih, orang nampak terserlah- diri kita. Jangan kita ganggu orang lain. Kita mesti usahakan diri kita sendiri untuk mempertingkatkan persembahan- mutu persembahan kita.

N.H : Jadi encik sudah berkecimpung selama *tiga-puluh* [30] tahun lebih. Jadi mesti encik ada suatu perasaan yang unik, macam setiap kali melakukan persembahan. Mesti ada perasaan macam “bangganya bawa lagu dikir barat ini” (Norhafiza berdialog)

M.N : - perasaan itu memang ada sebab apabila kita hendak membuat persembahan, kita tahu diri kita sebagai seorang penghibur. Kita mesti membuat persembahan yang terbaik, sebaik mungkin. Untuk menghiburkan mereka-mereka yang datang untuk menyaksikan persembahan kita. Jangan kecewakan mereka. Itu

sebab itulah kita buat persembahan setakat terdaya kita kecuali kita sakit. Kita sakit pun saya kalau menyanyi dengan- contohnya dengan *minus one* [rakaman] ataupun kalau orang lain dia *miming* [meniru suara]. Dia tipu penonton, saya tidak. Saya suka sebab- saya katakan bahawa selama ini saudara-saudara mendengar suara- suara semasa saya menyanyi semasa saya sihat. Ini boleh dengar sewaktu saya tidak sihat, saya selesema ke saya batuk ke “okay, sama-sama kita dengarkan suara yang selesema” (ketawa) (Megat Nordin berdialog). Maknanya penonton ketawa. Kalau kita tidak sampai ke dia tahu. Sebenarnya kita sampai, lagu itu, tetapi oleh kerana di waktu itu kita tidak sampai tapi orang- (Megat Nordin membuat bunyi dan gaya penonton bersorak). “Rasanya tidak sampai, memang dia betul-betul ikhlas, dia tidak tipu orang” (Megat Nordin berdialog). Orang lain kalau sakit terus *miming* [meniru suara]. Banyak penyanyi-penyanyi *Kuala Lumpur* [Malaysia], di *Kelantan* [Malaysia] pun memang lazim. Tetapi bagi saya. *So* [jadi] orang kata “oh dia ni memang sakit” (Megat Nordin berdialog). Kalau kita kata sakit, orang boleh dengar “oh memang dia sakit” (Megat Nordin berdialog). Orang boleh terima sebab kita manusia yang dijadikan memang ada rosak. (Telefon berbunyi)

NH : Dalam banyak-banyak persembahan encik buat ini, persembahan yang paling encik ingat? Yang paling diingati, yang paling encik rasa puas hati sepanjang encik menceburi bidang dikir barat ini?

M.N : Banyak, benda tu banyak. Tapi sampai saya pun tidak perasan kat mana sebab contohnya kita kata persembahan di hotel, persembahan di hotel kalau buat kadang-kadang kita sebagai penyanyi daerah tiba-tiba kita menyanyi lagu pop ataupun lagu keroncong. Di situ menyebabkan mereka terkejut “Huish Megat boleh menyanyi” (menunjukkan reaksi terkejut) mereka tak sangka kita boleh, kita boleh menyanyikan. Apabila kita buat kejutan, mereka rasa kagum, terpukau dengan persembahan kita sebab kita sebab kita lain dari yang lain. Kita keluar pada masa itu sebagai seorang pendikir, kita keluar sebagai penyanyi, kita keluar sebagai Nordin bukan Megat Nordin. Jadi, apabila kita habis persembahan kita diserbu oleh para peminat, hendak mengambil gambar dan tahniah daripada mereka, dan mereka puas hati lah, terhibur dengan persembahan kita. Tapi bukan sekali dengan banyak tapi kita tidak kisah sebab dalam diri saya, *glamour* [glamor] tidak ada. Saya tidak mahu *glamour* [glamor], tidak mahu masukkan *glamour* [glamor] dalam diri saya takut angkuh. Itu biasa bagi saya prinsip saya bagaikan ular menyusuk akar tidak akan hilang bisa, jadi kita tidak perlulah kenalkan “saya punya, saya punya” tidak ada, bagi saya, saya punya begini tempat-tempat sebeginikan. Tetapi apabila hendak melihat kita, tengoklah semasa saya membuat persembahan, di sini akan keluar Nordin lain. Kalau tengok Nordin di atas bangsal *Bukit Marak* [Kelantan] ini

seperti begini tetapi apabila tengok kita beraksi lain dengan pakaiannya, dengan macam-macamnya. Saya akan ubah terus. Iya (tanda setuju) itu sewaktu kita di rumah dan sewaktu kita membuat persembahan, itu *dua* [2] manusia yang berbeza. Saya tidak akan sama, tidak akan menjadi *satu* [1]. Saya akan menjadi manusia yang lain semasa membuat persembahan. Iya (tanda setuju) itu. Jadi kadang-kadang mereka yang lain ini di rumah begitu, di kedai begitu, membuat persembahan begitu. Jadi tidak ada beza, sama. Jadi saya, apabila saya begitu, ini saya memakai seluar? Biasa saya akan memakai kain, saya memakai kain putih, baju putih, kopiah kan? Hari ini saya hendak dirakam, saya menghormati majlis ini, maka saya memakailah baju dan seluar koporat. Kalau tidak saya akan memakai kain. Saya tidak mahu diri saya *glamour* [glamor] kerana *glamour* [glamor] itu sudah lama dah, *glamour* [glamor] itu tidak ada apa-apa pun *glamour* [glamor] begini juga, kalau *glamour* [glamor] lagipun begini juga saya. Sebab itu saya dengan *glamour* [glamor] ini saya berpesan dengan anak-anak saya, “Haikal jangan sesekali *glamour* [glamor] hapuskan *glamour* [glamor] dulu kita jadi manusia biasa ini menyebabkan kita lain sedikit semasa berada di rumah dan sewaktu kita membuat persembahan, waktu membuat persembahan haruslah dijaga dengan pakaian kita, dengan personaliti kita, dengan gerak geri kita haruslah dijaga. Beginilah kita jadi lain, begitu dengan anak saya yang masuk muay, walaupun dia menang dalam pertandingan di atas *stage* [pentas] tapi di bawah jangan angkuh. Dia jadi manusia yang paling *monyok* [menunjukkan perasaan beliau], mahu melihat dia beraksi di atas

pentas, lihat dan selepas itu dia akan menjadi lain. Sebab kita betul-betul beraksi, kita betul-betul fokus dengan kerjaya kita diwaktu ini. Di rumah lain, tidak mengapa, kita tidak boleh membuat apa. Saya duduk di rumah kadang-kadang saya memakai jubah, kopiah. Saya tidak mahu orang kenal saya, bosan. Bagi sayalah, saya bosan sebab kita susah, kita hendak jadi seperti selebriti atau artiskan lebih kurangkan. Jadi kita sentiasa menjadi tumpuan di mata orang. Kita hendak memakai selipar pun tidak boleh, hendak memakai kain pun tidak boleh. Jadi susah, sebabnya hendak menjadi artis, kita mesti mempersiapkan diri kita dengan baik, dengan penampilan kitakan. Jadi kita hendak memakai jubah, hendak memakai selipar paling susah, disebabkan itu saya menyamar. Seolah-olah akan saya menyamar. Dia kata “Megat ke itu? Eh, tidak munasabah pakai-ada tasbih di tangan, dengam jubah. Eh tidak boleh. Bukan dia itu” (Megat Nordin berdialog). Tapi orang kenal. Orang kenal. Saya pergi sampai ke *Negeri Sembilan* [Malaysia], sampai ke *Dataran Merdeka* [Kuala Lumpur] pun saya pakai jubah pun, manusia itu kenal. Walaupun kita sudah ubah sedikit penampilan kita- cara berbeza. Cara saya sebagai seorang penyanyi dengan cara kita duduk- biasa saya cara saya lah. Saya tukar pakai kain, pakai kopiah, pakai jubah, pakai selipar. Saya tidak mahu itu, takut jadi *ujub* [riak] dalam hati saya. Lebih baik kita diam-- orang tidak tahu datang sini, pun ramai orang tidak kenal. Orang yang datang ziarah *Bukit Marak* [Kelantan] ini ramai, saya tidur (ketawa). Orang tidak tahu itu Megat Nordin. Buat apa kita hendak suruh orang kenal. Hendak kenal kita sewaktu di pentas, itu prinsip saya. Orang lain-lain. Saya lain.

N.H : Jadi pada pendapat encik sendiri, macam sekarang anak-anak muda lebih mengenali moden, lagu-lagu moden. Bagaimana hendak sampaikan lagu-lagu dikir, hendak terapkan dalam diri anak-anak muda ini?

M.N : Dia sebenarnya begini, kita kena buat satu contoh yang baik pada anak-anak muda supaya dia minat pada dikir barat. Contohnya kita sebagai idola mereka, kita mesti buat yang terbaik supaya mereka dapat contohi bagaimana persembahan kita, bagaimana gerak laku kita semasa di pentas. Macam itu. Kadang-kadang budak-budak ini dia *syok* [seronok] sendiri, dia rasa dia boleh nyanyi lagu-lagu moden, dia dah hebat. Dia tidak suluh diri dia, setakat mana kemampuan dia. Sebenarnya bukannya mereka-mereka yang terlibat dengan dikir barat ini semuanya vokal yang baik. Cuma sebab dia tidak tahu teknik vokal itu dia rasa dia pandai tetapi sumbang. Sebab itu saya tidak mahu saya digelar artis. Kalau dalam dikir barat saya tidak. Saya orang biasa, saya bukan artis. Ada mereka-mereka yang baru, menggelarkan diri mereka artis dikir barat. Saya bukan artis. Artis kalau hendak menyanyi, vokal mesti betul. Dengan *pitching* [nada], dengan apa-apa semua mesti betul. Kalau masih ada lagi sumbang-sumbang itu, hendak gelarkan artis itu tidak malu ke? Kita sendiri yang mengangkat diri kita, orang lain “oh sumbang ini menyanyi. Bagaimana nyanyi ini (Megat Nordin berdialog). Jadi sebab itu saya tidak mahu diri saya digelar artis. Biarlah mereka-mereka, tidak mengapalah. Mereka pakai artis, saya tidak mahu. Kecuali kalau kita di *Kuala Lumpur* [Malaysia], hendak libatkan kita di dalam artis sebab kita sudah biasa dengan artis di *Kuala Lumpur*

[Malaysia]. Itu tidak apa, boleh. Sebab bila kita jaga vokal kita setakat mana pencapaian kita. Orang nilai kita hendak menyanyi. Jadi kalau suara tidak seberapa kita hendak gelarkan diri artis orang panggil *syok* [seronok] sendiri. Bagi saya, saya malu macam itu. Saya malu.

N.H : Macam apa yang encik Megat sendiri tahu, encik Megat ini mempunyai peminat sendiri. Jadi apa platform [landasan] encik, seperti media sosial ke? Macam cara peminat berhubung dengan encik?

M.N : Saya tidak ada *FaceBook* [muka buku], saya tidak ada WeChat, semua saya tidak ada. Saya tidak pakai semua itu, serabut. Jadi kalau hendak berhubung dengan saya, kena guna dengan telefon sahajalah.

N.H : Ini adalah soalan terakhir. Apa pandangan encik terhadap dikir barat dari segi- sama ada boleh pergi jauh atau pun sekadar--

M.N : Saya nampak sekarang ini dikir barat makin menjadi malap sedikit. Sebab dia disaing oleh *Muay Thai* [Muai Thai] yang terlalu kuat. Selepas itu pula saya tidak tahu sebab apa- dikir barat ini seolah macam kehilangan peminat. Terjadi kerana mereka membuat persembahan yang tidak betul-betul baik. Kadang-kadang ambik-- buat persembahan sambil lewa untuk mendapatkan upah. Bagi saya sebab- bagi saya lain cara saya. Walaupun macam mana pun identiti kumpulan Megat Nordin mesti kumpulan yang terbaik. Sampai sekarang ini pun, tua-tua begini pun mesti kumpulan yang terbaik. Saya tidak mahu

kumpulan saya jadi kalah oleh kumpulan orang lain. Sebab itu kumpulan saya kalau hendak tengok memang betul-betul mantap. Sekarang ini ada contohnya Telaga Batuk, *Tumpat* [Kelantan]. Salah satunya kumpulan yang- kumpulan di *Kelantan* [Malaysia] yang saya rasa tidak dapat menyayingi kumpulan ini. Saya bawak. Sebab kita bawak dalam nada tinggi tetapi awak-awak pun boleh jawab dalam nada yang tinggi.

N.H : Jadi itu sahajalah soalan-soalan kami.

TAMAT BAHAGIAN 4

RUJUKAN

Dikir Barat. (2015, August 31). Retrieved April 05, 2016, from
<http://www.jkkn.gov.my/ms/dikir-barat>

RAIHAN PAHIMI. (n.d.). Retrieved April 05, 2016, from
http://raihanpahimi.blogspot.my/2015/01/normal-0-false-false-false-en-us-x-none_30.html

Istana Jahar - Muzium Adat Istiadat Diraja Kelantan. (2011). Retrieved April 05, 2016, from
<http://www.come2kelantan.my/place/istana-jahar-muzium-adat-istiadat-diraja-kelantan>

Astro Gempak Kilauan Emas 4 Peserta Nordin. (n.d.). Retrieved April 05, 2016, from
<http://www.astrogempak.com.my/kilauanemas4/Peserta/Nordin.aspx>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00:00:17	Tempat lahir	1. Kampung Kenali
00:00:34	Latar belakang pendidikan	1. Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian 2. Sekolah Menengah Kubang Kerian
00:02:00	Tempat asal tokoh	1. Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kelantan. 2. Tok kenali, seorang tokoh ulamak
00:02:17	Nama isteri Encik Megat	1. Khairunnisa binti Mat Niah
00:02:52	Bagaimana perkenalan antara tokoh dan isteri.	1. Jalan hamzah, Kota bharu, Kelantan. 2. Thailand
00:03:40	Tempat asal isteri tokoh	1. Thailand
00:04:22	Latar belakang anak tokoh	1. Sekolah Menengah Rantau Panjang, Klang 2. Kuala lumpur
00:04:58	Nama anak-anak tokoh	1. Zurina 2. Raziman 3. Hasrul Nizam 4. Suhaimi, Hanisah 5. Lukman Hakim 6. Ahmad Marzuki 7. Megat Haikal 8. Siti Maznah

00:06:36	Nama ibu-bapa tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Yusof bin Ahmad 2. Mekyam binti Husin.
00:07:45	Pekerjaan tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Singapura 2. Thailand 3. Sarawak 4. Sabah

Bahagian 2: Perjalanan/ Asal Usul Dikir Barat

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama/tempat dirujuk
00:14:59	Asal usul dikir barat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Selatan Thailand 2. Kota Baru Meil, Changwat Yala 3. Narathiwat 4. Patani
00:16:8	Orang yang terlibat di awal kemunculan dikir barat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pakleh Tapang
00:17:30	Tukang karut	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pakleh Tapang 2. Seman wau bulan 3. Awang anak ular 4. Awang ikan duyung 5. Dolah pulau tebu
00:30:10	Lagu yang dicipta oleh tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cik siti wan kembang
00:34:10	Tujuan lagu cik siti wan kembang dicipta	<ol style="list-style-type: none"> 2. Kak Lah (Presiden Bumi Rahmat Diraja Kelantan Cik Siti Wan Kembang)
00:41:00	Kategori karut	<ol style="list-style-type: none"> 1. Key 2. Karut 3. Kelantan

		<ol style="list-style-type: none"> 4. Matang 5. Patani 6. Wau Bulan
00:48:12	Kumpulan/anak buah tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Thailand 2. Singapura 3. Kuala Lumpur
00:48:19	Nama kumpulan/ anak didik tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Arjuna sukma 2. Sabri yunus

Bahagian 3: Cerita rakyat yang berkaitan dengan dikir barat

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama/tempat dirujuk
00:52:35	Mencipta melodi anak tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Datuk Adnan Abu Hasan 2. Pakngah
01:10:00	Lagu yang berkaitan dengan cerita rakyat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cik Siti Wan Kembang 2. Dato' Seri Rais Yatim
01:10:00	Majlis tertentu untuk lagu cerita rakyat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertubuhan Bumi Rahmat Diraja 2. Kak Lah 3. Cik Siti Wan Kembang 4. Penjara Machang

Bahagian 4: Perjuangan/ Kejayaan/Harapan

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
01:00:07	Pertandingan Kilauan Emas	<ol style="list-style-type: none">2. Zain3. E-Arjuna Sukma4. Kuala Lumpur5. RTC [Pusat Transformasi Luar Bandar]6. Anggerik Mall7. Hattan8. Selangor9. Hetty Koes Endang10. Hotel Shangri-La
01:07:58	Semasa ujibakat Kilauan Emas	<ol style="list-style-type: none">3. Jamal Abdillah4. Ayai Ilusi5. Siti Hajar
01:10:03	Lagu pertama di dalam dikir barat	<ol style="list-style-type: none">1. Siam2. Rantau Panjang
01:13:39	Pengikhtirafan ataupun kejayaan tertinggi.	<ol style="list-style-type: none">3. London4. Dato' Haji Anwar Tan5. Kampung Wakaf Tanjung Chat6. Singapura7. Thailand
01:18:30	Penglibatan diri sehingga ke luar negara	<ol style="list-style-type: none">1. Thailand2. Singapura
01:23:15	Lagu yang mendapat sambutan dan peminat Encik Megat Nordin	<ol style="list-style-type: none">1. Kuala Lumpur2. Nasir Wahab3. Hotel Perdana4. Kota Bharu5. Noraniza Idris

		<ul style="list-style-type: none"> 6. Juffri Hudi 7. Ketua Menteri Sarawak 8. Tengku Anis
01:25:43	Rakaman lagu	1. Kota Bharu
01:25:50	Menaikkan nama	1. Kuala Lumpur
01:26:05	Royalti	<ul style="list-style-type: none"> 1. PRISM [Performers Rights and Interest Society of Malaysia] 2. Kuala Lumpur
01:26:46	Reaksi peminat di luar negara	<ul style="list-style-type: none"> 1. London 2. Mustafa Kamal 3. Cyprus 4. Covent Garden 5. Singapura 6. Thailand 7. Kelantan 8. Bukit Tinggi 9. Indonesia 10. Jen Endoro 11. Singapura 12. Jakarta 13. Eddy Silitongga 14. Broery Marantika
01:32:24	Saingan dalam dikir barat	<ul style="list-style-type: none"> 1. Singapura 2. Kelantan 3. Malaysia 4. Thailand
01:34:33	Menyuarakan pendapat tentang bekerjasama dengan negara lain	<ul style="list-style-type: none"> 1. Yi Arjuna Sukma 2. Indonesia 3. Brunei

		<ol style="list-style-type: none"> 4. Brazil 5. Malaysia 6. Kota Bharu 7. Malaysia 8. Indonesia 9. Singapura 10. Brunei 11. Kelantan
01:39:02	Persaingan sesama pendikir dan pelapis baru	<ol style="list-style-type: none"> 1. Roy Kapilla 2. Cikgu Sullizi 3. Halim Yazid 4. Fadil Turbo 5. Ezry Lelayang Putih
01:39:52	Kumpulan baru di dalam dikir barat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ismail Anak Kala 2. Setapo Merak Mas 3. Ramli Raja Laut 4. Yie Penglipur Lara
01:40:16	Kenangan manis	<ol style="list-style-type: none"> 1. London 2. Tuanku Jaafar 3. Dato' Seri Rais Yatim 4. Dataran Merdeka 5. Kuala Lumpur
01:43:04	Kenangan pahit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Johor 2. Ekspo 3. Kementerian Kebudayaan 4. RTM [Radio Televisyen Malaysia] 5. Pejabat Kebudayaan
01:46:10	Tindakan untuk mempertahankan diri	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dato' Sayuti Mokhtar 2. Kelantan

		3. RTM [Radio Televisyen Malaysia]
01:48:39	Rancangan mengembangkan lagi dikir barat	1. Indonesia 2. Brunei
01:50:13	Sambutan atas rancangan yang diberikan	1. Brunei 2. Indonesia 3. Kelantan 4. Indonesia 5. Bukit Tinggi
01:55:32	Perasaan yang unik	1. Kuala Lumpur 2. Kelantan
01:57:27	Persembahan yang paling diingati	1. Bukit Marak 2. Haikal 3. Negeri Sembilan 4. Dataran Merdeka
02:02:58	Terapkan dalam diri anak-anak muda	1. Kuala Lumpur
02:05:31	Pandangan terhadap dikir barat	1. Telaga Batuk, Tumpat 2. Kelantan

DIARI KAJIAN

Tarikh	Tempat	Penerangan
23/03/2016	Istana Jahar, Jalan Sultan, Kota Bharu, Kelantan	Berkunjung ke Istana Jahar untuk mencari maklumat tentang Dikir Barat.
	Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, Kota Bharu	Bertemu dengan En. Nazali Bin Wahab untuk mendapatkan maklumat tentang En. Megat Nordin.
20/04/2016	Bukit Marak, Jajahan Bachok, Kelantan	Bertemu dengan En. Megat Nordin sehari sebelum tarikh temuramah.
21/04/2016	Bukit Marak, Jajahan Bachok, Kelantan	Hari untuk sesi temuramah.
01/05/2016 – 07/05/2016	Asrama Puteri Tuan Haji	Menyiapkan transkrip.
18/05/2016	Blok D, D309, UiTM Kelantan	Pembentangan Dikir Barat Lambang Warisan Negeri Kelantan.
07/06/2016	Bilik Puan Kamariah	Membuat rujukan dan pembetulan.
08/06/2016	Asrama Puteri Tuan Haji	Menghantar laporan penuh kepada rakan kelas untuk dihantar ke kedai buku.
16/06/2016	Bilik Puan Kamariah	Menghantar transkrip yang telah dibukukan.

Senarai Soalan

Latar belakang Megat Nordin

1. Apa nama sebenar encik megat nordin?
2. Selain megat nordin, apakah nama sandaran yang diberi dan sering dipanggil oleh orang sekeliling?
3. Encik megat nordin berasal daripada mana?
4. Di mana tempat lahir encik megat?
5. Tarikh lahir encik megat?
6. Siapakah nama isteri encik megat?
7. Bila tarikh perkahwinan encik megat?
8. Pekerjaan isteri encik megat?
9. Bagaimanakah encik megat mengenali isteri en megat?
10. Isteri encik megat berasal daripada mana?
11. Encik mempunyai berapa orang anak perempuan dan lelaki?
12. Apakah nama anak encik megat?
13. Apakah tahap pendidikan anak-anak encik?
14. Boleh tak encik ceritakan mengenai anak anak encik?
15. Adakah anak anak encik mempunyai minat dalam dikir barat dan mengikuti jejak encik sebagai pendikir barat?
16. Adakah anak-anak masih belajar?
17. Dimanakah mereka tinggal sekarang?
18. Apakah nama ibu dan bapa encik?
19. Adakah mereka masih hidup?
20. Berapakah umur mereka?
21. Adakah mereka berasal dari Kelantan juga?
22. Adakah mereka menetap di Kelantan?
23. Apakah pekerjaan sekarang encik?
24. Pada tahun bila encik mula berkhidmat?

25. Di manakah tempat kerja encik?
26. Taraf pendidikan encik megat?
27. Nama institusi pendidikan daripada rendah sehingga ke peringkat tertinggi encik megat?
28. Adakah encik megat aktif semasa di bangku sekolah?
29. Apakah aktiviti yg encik megat sertai semasa di bangku sekolah?
30. Bagaimanakah sikap ibu dan bapa encik dalam awal pendidikan?

Perjalanan Hidup/ asal usul Dikir Barat

31. Apakah nama asal Dikir Barat?
32. Dari mana datangnya nama Dikir Barat ini?
33. Siapa yang memberi nama Dikir Barat ini?
34. Dikir Barat bermula dari negeri/negara mana?
35. Bagaimana Dikir Barat boleh terkenal di Negeri Kelantan?
36. Siapa tokoh yang mula-mula menceburi diri dalam kesenian Dikir Barat ini?
37. Nama kumpulan Dikir Barat pertama yang encik tahu?
38. Berapa ramai ahli kumpulan dalam setiap kumpulan?
39. Dalam satu kumpulan dikir barat, ahli ahlinya terdiri daripada siapa?
 - **Tukang karut**
 - **Juara**
 - **Awok awok**
40. Siapakah yang paling memainkan peranan penting dalam sesebuah kumpulan?
41. Apa perbezaan antara tukang karut dan juara?
42. Adakah golongan wanita boleh memainkan peranan sebagai tukang karut?
43. Adakah ada kumpulan dikir terdiri daripada golongan wanita?
44. Adakah Dikir Barat ini dimainkan dalam majlis atau musim tertentu? **Mengapa?**
45. Kandungan lagu Dikir Barat ini bercerita tentang apa?
46. Apakah persediaan alat muzik yang biasa digunakan di dalam Dikir Barat?
47. Mengapa persembahan dikir barat dipersembahkan dengan suara yang lantang dan kuat?

48. Adakah tukang karut dan juara boleh ditempah mengikut penganjur persembahan?
49. Berapakah kadar bayaran yang diberikan untuk satu persembahan?
50. Bagaimana cara untuk menempah tukang karut dan juara tersebut?
51. Selalunya dikir barat dimainkan di atas pentas, bagaimana bentuk pentas tersebut?
52. Adakah bentuk pentas tersebut dibina berdasarkan corak permainan sesebuah persembahan dikir barat?
53. Kami difahamkan pertunjukan pentas/ bangsal mempunyai 2 bentuk, pentas pertunjukan percuma dan bayaran.
 - Bagaimana keadaan bangsal untuk pertunjukan percuma?
 - Bayaran pula bagaimana?
54. Mengapa persembahan dilakukan secara duduk?
55. Berapa jenis irama dikir?
56. Irama yang paling terkenal yang selalu digunakan di dalam dikir barat?
57. Adakah dikir barat mempunyai pakaian tertentu ?
58. Adakah pakaian untuk tukang karut, juara dan awok awok berlainan antara satu sama lain?
59. Dari segi persembahan yang terdapat di tv, mengapa kebanyakan persembahan dikir barat mengenakan pakain melayu tradisional?
60. Pada tahun berapakah zaman kegemilangan Dikir Barat ini?
61. Pada tahun bilakah pula Dikir Barat mengalami kemerosotan?
62. Faktor- faktor yang menyebabkan Dikir Barat ini mengalami kemerosotan?
63. Adakah adanya pelapis-pelapis golongan muda untuk Dikir Barat ini?
64. Berapa banyak lagi kumpulan Dikir Barat yang masih ada pada zaman sekarang ini?
65. Adakah mereka masih aktif lagi dalam Dikir Barat?

Cerita rakyat yang berkaitan dengan dikir barat

66. Adakah ada lagu dikir barat yang diadaptasi melalui cerita rakyat di negeri Kelantan?
66. Apakah cerita rakyat tersebut?
67. Mengapa cerita rakyat tersebut diadaptasi ke dalam lagu dikir barat?
68. Selain itu, adakah ada lagi cerita rakyat yang berkait dengan dikir barat?
69. Puteri Saadong
70. Tok Janggut
71. Raja Jembal
72. Berikan sedikit contoh lirik lagu yang mengandungi unsur cerita negeri Kelantan?
73. Adakah seni dikir barat wujud sebelum penyebaran agama islam di kelantan?
74. Adakah cerita rakyat itu tetap sama atau diubah sedikit semasa persembahan dikir barat?
75. Mengikut dari bacaan kami, dikir barat dahulu dikenali dengan tarian inang? Betulkah?
76. Adakah tarian inang diwarisi oleh kerabat diraja?
77. Bolehkah encik terangkan mengenai tarian inang tersebut?

Perjuangan/ Kejayaan/Harapan

78. Sudah berapa tahun encik encik bergiat secara aktif dalam bidang dikir barat?
79. Apakah nama gelaran encik semasa bergiat dalam dikir barat?
80. Sejak bila encik belajar berdikir?
81. Bagaimanakah penerimaan keluarga encik terhadap minat encik dalam bidang dikir barat?
82. Siapakah yang mendorong encik menceburi bidang dikir barat?
83. Bagaimanakah encik boleh menceburi bidang dikir barat?
84. Adakah menjadi pendikir merupakan cita cita encik?
85. Apakah kisah latar belakang encik sebelum bergelar pendikir barat?
86. Selain bidang seni, adakah encik bergiat aktif dalam bidang lain?
87. Bagaimanakah encik bahagikan masa antara kerja dan menjadi pendikir?
88. Apakah lagu pertama yang didendangkan sewaktu mula menceburi bidang dikir barat?
89. Adakah setiap lagu yang ditulis mempunyai kisah disebalik nukilannya?
90. Adakah encik ada membuka kumpulan Dikir Barat sendiri?
91. Sudah berapa lama encik berkecimpung dalam bidang Dikir Barat ini?
92. Apakah pengiktirafan atau kejayaan tertinggi yang pernah encik dapat sepanjang penglibatan di dalam dikir barat ini?
93. Sejauh mana tahap pencapaian Dikir Barat yang encik ceburi?
94. Adakah encik pernah dijemput untuk melakukan persembahan Dikir Barat ini diluar?
95. Jika pernah, dimanakah?
96. Tajuk lagu apa yang dimuatkan di dalam album Dikir Barat milik encik?
97. Berapa banyak lagu Dikir Barat yang telah direkodkan?
98. Tajuk lagu Dikir Barat apa yang paling mendapat sambutan?
99. Bagaimana penerimaan orang luar terhadap Dikir Barat ini?
100. Adakah mereka berminat dengan pembawaan cerita di dalam Dikir Barat?
101. Adakah besar persaingan di dalam Dikir Barat?
102. Siapakah tokoh-tokoh yang terkenal di dalam Dikir Barat yang encik kenali?

103. Apakah kenangan manis sepanjang encik menceburi bidang ini?
104. Apakah pula kenangan pahit sepanjang encik menceburi bidang ini?
105. Apakah pengalaman yang paling berharga sepanjang encik di dalam bidang ini?
106. Apakah rancangan-rancangan encik untuk mengekalkan seni Dikir Barat ini daripada pupus ditelan dek zaman?
107. Adakah encik yakin bahawa rancangan ini akan berjaya dan mendapat sambutan daripada masyarakat sekeliling?
108. Apakah pesanan encik kepada penyambung warisan Dikir Barat diluar sana?
109. Adakah encik melakukan latihan setiap kali melakukan persembahan dikir barat?
110. Apakah perasaan encik semasa melakukan persembahan dikir barat?
111. Apakah lagu yang paling digemari peminat dan sering diminta didendangkan oleh mereka setiap kali melakukan persembahan?
112. Berapa ramai ahli kumpulan encik setiap kali melakukan persembahan?
113. Diantara persembahan yang pernah encik lakukan, yang mana satukah encik paling ingati dan tidak pernah lupakan?
114. Adakah menjadi pendikir ini merupakan warisan turun temurun dari ayah atau ahli keluarga encik?
115. Apakah pendapat encik mengenai generasi muda sekarang terhadap dikir barat?
116. Pada pendapat encik, adakah generasi kini mengenali dan mengetahui tentang dikir barat kerana mereka lebih terdedah kepada perubahan kemodenan yang kian pesat?
117. Adakah encik mempunyai waris atau penyambung warisan dikir barat ini sama ada anak encik atau anak anak didik encik dalam kumpulan?
118. Apakah harapan encik dalam menyebarkan seni budaya tradisional ini dalam masa akan datang?
119. Adakah anak anak encik ada yang menunjukkan minat menjadi pendikir suatu hari kelak?

120. Pada pendapat encik, bagaimanakah cara untuk mengekalkan dikir barat sebagai salah satu halwa telinga atau dendangan supaya tidak lupus dalam kalangan masyarakat sekarang?
121. Adakah encik mempunyai laman social seperti facebook atau twitter?
122. Bagaimanakah encik berhubung dengan peminat peminat encik?
123. Adakah encik mempunyai funclub encik sendiri?
124. Apakah nama fanclub encik?
125. Bagaimanakah hubungan encik dengan para wartawan?
126. Pernahkah kisah hidup encik menjadi pendikir disiarkan dalam mana mana akhbar, majalah atau media elektronik?
127. Bolehkah encik kongsi nama atau terbitan mana-mana akhbar, majalah atau media elektronik tersebut?



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan MORBIN B. YUSOFF Pada 21 APRIL 2016

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah

Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

GAMBAR



Gambar 1: Tokoh bersama pelajar Uitm Machang



Gambar 2: Bergambar bersama tokoh dikir barat



Gambar 3: Memberi cenderahati kepada tokoh



Gambar 4: Memberi cenderahati kepada tokoh

INDEKS

A

Alhamdulillah, 11, 12, 52, 57, 59, 68
Ambo Ghaso Bekene, 1, 63
Anggerik Mall, 48, 94
arena, 11
Arifin Ana, 16, 23
Arjuna Sukma, 35, 36, 47, 71, 94, 96
asal usul, 3, 15
Awak-awak, 15, 18, 19, 20, 21, 22, 24, 29, 35, 36
Awang Anak Ular, 16
Awang Ikan Duyung, 16

B

barat, 1, 3, 9, 10, 11, 12, 15, 16, 17, 18, 21, 27, 28, 29,
30, 32, 33, 44, 45, 46, 47, 55, 61, 67, 69, 71, 72, 73,
74, 81, 88, 89
bidang sukan, 3

C

cakera padat, 26
cerita, 41, 55, 65, 68
chance, 11, 48
Cik Siti Wan Kembang, 24, 26, 37, 39, 40, 41, 42, 92, 93
Covent Garden, 65, 95

D

dangdut, 24, 26, 27
Dato' Haji Anwar Tan, 55, 57, 94
Dato' Seri Rais Yatim, 41, 74, 93, 96
Datuk Adnan Abu Hassan, 37
Daud Bukit Abang, 16
dikir barat, 1, 3, 9, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21,
24, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 34, 37, 40, 44, 45, 46, 47,
53, 55, 59, 61, 65, 69, 71, 72, 73, 74, 77, 79, 80, 81,
83, 84, 85, 88, 89, 92, 93, 94, 95, 96, 97
Dikir Barat, 1, 15, 37, 54, 60, 61, 92
Dikir Ulu, 15
Dolah Pulau Tebu, 16

E

Encik Megat, 1, 3, 4, 5, 7, 8, 14, 21, 27, 34, 35, 36, 41,
44, 45, 91, 94
Encik Megat Nordin, 1, 3
Exco Kebudayaan, 55

G

gedombak, 15, 18
gendang, 15, 18, 20, 47
gong, 15, 20

H

Hetty Koes Endang, 48, 94

I

idola kecil, 6
interview, 57
irama, 30, 32

J

Jalan Hamzah, 5
Jali Gagak Hitam, 23
juara, 12, 13, 16, 17, 21, 22, 24, 30, 34, 35
Juara, 15, 19, 20, 21, 29, 44, 69, 74
juri, 10, 52, 53, 55, 59
Jusoh Kelong, 16

K

Kaklah, 26
Kamalia, 22, 63
Kampung Kenali, 3, 4, 12, 91
Karoot Komedia, 35, 47
karut Kelantan, 21, 30
karut Matang, 21
kaset, 12, 32
kegiatan seni, 11
kesenian, 15
Ketua Menteri Sarawak, 64, 94

Key, 21, 30, 92
Kilauan Emas, 45, 47, 48, 63, 94
Klang, 6, 7, 91
kompang, 18
konsert, 5
Kota Baru Meil, 15, 16, 18, 92
Kota Bharu, 1, 5, 16, 34, 40, 58, 63, 64, 71, 94, 95, 96
Kuala Lumpur, 8, 35, 36, 41, 47, 48, 63, 65, 74, 84, 85, 88, 94, 95, 96, 97
Kubang Kerian, 3, 4, 12, 28, 91
Kuching, 10
kumpulan dikir, 11, 12, 13, 19, 27, 72

L

lagu, 41, 42, 43, 45, 48, 51, 52, 53, 54, 55, 61, 62, 63, 64, 65, 67, 68, 77, 80, 82, 84
latar belakang, 1, 3
live band, 5
London, 55, 65, 67, 74, 94, 95, 96
long distance, 11
low-note, 52

M

Main Puteri, 15
Makyong, 15
Megat Haikal, 6, 7, 8, 9, 91
Megat Nordin, 1, 5, 21, 22, 43, 45, 46, 48, 51, 52, 54, 55, 57, 58, 63, 65, 68, 71, 72, 74, 77, 78, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 88, 89
melodi, 12, 20, 21, 24, 26, 30, 37, 48, 53, 54, 55, 80, 93
mentor, 8
Millenia, 60, 61
Mono Bukit Abah Udin, 23
muai thai, 7, 33, 34

N

Narathiwat, 15, 92

O

olahragawan, 3
orang lebai, 11

P

Pakleh Tapang, 16, 17, 18, 29, 30, 92
Patani, 15, 30, 31, 92
Pcb Resort, 34

pencapaian, 1, 11, 55, 88
pendikir, 41, 72, 82
Pendikir, 1
Penglipur Lara, 34, 74, 96
penyanyi, 13, 24, 65, 68, 72, 84, 85
perjalanan, 15, 35, 74, 76
perkakas, 15
persembahan, 8, 10, 13, 15, 16, 21, 26, 27, 28, 29, 35, 41, 47, 48, 55, 59, 63, 65, 68, 69, 71, 72, 74, 76, 80, 82, 83, 84, 85, 88, 89
pertandingan, 6, 8, 10, 11, 30, 34, 45, 47, 55, 82, 85
presiden bumi rahmat diraja Kelantan, 26
Press Conference, 57
PRISM, 65, 95
profesional, 10, 44
Puteri Saadong, 1, 37, 40

R

Raja, 15, 40, 74, 96
raja perempuan, 24, 37
Rantau Panjang, 6, 54, 55, 91, 94
recording, 37, 45, 46
rehearsal, 26
royalti, 32, 65
RTC, 47, 94

S

Sabah, 10, 92
Sabri Yunus?, 35
Saleh Jambu, 16
sejarah, 9, 18, 25, 39, 55
selatan Thailand, 17
Semam Wau Bulan, 16
Semerak, 26
siam, 17
Singapura, 10, 35, 36, 59, 67, 69, 72, 73, 92, 93, 94, 95, 96
SPM, 3
suara, 8, 13, 14, 34, 65, 82, 84, 88
Suhaimi, 7, 8, 91

T

tape, 24
tebrin, 20
Thailand, 5, 6, 10, 15, 16, 17, 18, 35, 53, 54, 59, 60, 67, 69, 73, 91, 92, 93, 94, 95
Tok Guru, 12

Tok Kenali, 4
Tukang Karut, 15, 16, 19, 20, 21, 22, 28, 29, 30, 35, 69
Tunggu-Tunggu Tak Kelik, 32

V

vokal, 8, 37, 51, 65, 79, 88

W

Wau Bulan, 21, 30, 31, 80, 92

Y

Yala, 15, 16, 18, 92
YouTube, 62